

KEMUNDURAN DAN KEMAJUAN MASYARAKAT MELAYU
DARI PERSPEKTIF AKHBAR-MAJALAH MELAYU
1920-1941

A. Ghapa Harun

Kemunduran dan kemajuan serta sebab-sebabnya merupakan sebahagian daripada persoalan-persoalan utama yang menjadi fokus kajian dalam kaji sosial hari ini.¹ Persoalan-persoalan tersebut, sebenarnya telah lama menjadi isu-isu yang dibincangkan oleh segolongan masyarakat yang sedar akan kedudukan mereka dari segi ekonomi, politik dan sosial di sesebuah negara. Hakikat ini jelas dapat kita perhatikan daripada sejarah kemunculan persuratkhabaran dan pembabitan para intelek sesebuah masyarakat itu dalam memaparkan kepincangan hidup masyarakat mereka dan menyuarakan hasrat mereka untuk mendapat kehidupan yang lebih baik. Perkembangan dunia persuratkhabaran Melayu menunjukkan dengan jelas hakikat ini.

Persuratkhabaran Melayu yang mula berkembang dalam tahun-tahun 1870-an telah menarik segolongan intelek Melayu untuk membabitkan diri dalam bidang kewartawanan. Pembabitan mereka itu bertambah meluas dalam tahun-tahun berikutnya. Bidang kewartawanan yang pesat berkembang di Tanah Melayu dalam empat dekad pertama abad ke-20 telah melahirkan banyak akhbar dan majalah berbahasa Melayu yang menjadi gelanggang utama kepada para intelek mengupas dan memaparkan pelbagai masalah sosio-ekonomi orang-orang Melayu dalam jangkamasa tersebut.² Mereka menganalisa punca-punca yang menyebabkan penyisihan orang-orang Melayu daripada arus pembangunan yang

¹ Lihat misalnya, Agura Mitsuo, "The Sociology of Development and Issues Surrounding Late Development", dalam *International Studies Quarterly*, Vol. 26, No. 4, December 1982, hlm 596-622; Tamas Szentes, *The Political Economy of Underdevelopment*, Akademiai Kiado, Budapest, 1971; A.G. Frank, "Sociology of Development and Underdevelopment of Sociology," dalam A.G. Frank, *Latin America: Underdevelopment or Revolution*, Monthly Review Press, New York, 1969, hlm. 21-94.

² Mengikut W.R. Roff, selepas penerbitan akhbar Melayu yang pertama, *Jawi Peranakan* di Singapura pada tahun 1876, ada kira-kira 147 buah akhbar dan majalah berbahasa Melayu yang diterbitkan sehingga pecah Perang Pasifik. Kebanyakan akhbar dan majalah tersebut cuma dapat bertahan hanya beberapa tahun sahaja. Beberapa buah akhbar dan majalah sahaja yang dapat bertahan lebih daripada lima tahun ke atas. Sila lihat Roff, *Sejarah Surat-*

sedang kuat melanda Tanah Melayu ketika itu. Mereka sedar bahawa kepesatan perubahan ekonomi dan sosial serta proses urbanisasi yang semakin meluas telah mengakibatkan orang Melayu tertolak ke tepi, hingga menyebabkan mereka menjadi semakin ketinggalan daripada masyarakat yang lain. Mereka menggunakan akhbar dan majalah untuk menyalurkan idea-idea yang bertujuan memecahkan belenggu yang menghalang orang-orang Melayu daripada membabitkan diri dalam arus perubahan itu. Dari sini kita akan dapat perhatikan bahawa evolusi perkembangan pemikiran di kalangan para intelektual Melayu adalah berkaitan dengan persoalan kemunduran dan kemajuan di sekeliling mereka. Melalui tulisan-tulisan mereka itu, tergambar beberapa aspek yang menghuraikan fenomena kemunduran dan berbagai bentuk saranan yang boleh membangunkan masyarakat Melayu. Oleh itu kedua-dua media tersebut merupakan dokumentasi yang amat penting bagi ahli kaji sosial yang mahu menyelidik tentang perubahan sosial masyarakat Melayu dalam period tersebut.

Sungguhpun akhbar dan majalah banyak memaparkan isu-isu sosio-ekonomi, khususnya mengenai orang Melayu, namun dalam situasi kolonial ketika itu, para intelek Melayu kurang mempunyai kebebasan mengengahkan pandangan mereka berhubung dengan kemunduran masyarakat mereka. Mereka juga tidak dapat berkomunikasi secara bebas dengan masyarakat Melayu justeru adanya pelbagai sekatan oleh pihak penjajah.³ Keadaan ini tentunya menjaskan kemungkinan menerbitkan rencana-rencana yang mengupas tentang kemunduran dan kaedah-kaedah melepaskan diri dari keadaan tersebut secara yang lebih terperinci, terutamanya pandangan-pandangan yang kritikal dan boleh menggugat sistem pentadbiran ketika itu. Oleh itu, pola pemikiran mereka biasanya dijelaskan melalui idea-idea yang bersifat tidak mengancam kestabilan sistem yang ada. Sebaliknya, pemikiran mereka menganjurkan kepada usaha-usaha menerapkan nilai-nilai baru yang selari dengan kehendak-kehendak ekonomi-politik ketika itu. Ini bermakna masyarakat Melayu digesa supaya berusaha menye-

surat Khabar Melayu, Monograph Persekutuan Bahasa Melayu, no. 1, Pulau Pinang, 1987; Senarai lengkap dan latar belakang mengenai akhbar dan Majalah Melayu sila lihat dalam A.M. Iskandar Hj. Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1973.

³ Rencana-rencana yang dianggap terlalu kritikal terhadap Inggeris biasanya tidak disiarkan oleh akhbar atau majalah kerana boleh menyebabkan permit akhbar atau majalah berkenaan ditarik balik oleh pihak berkuasa, misalnya, sebuah rencana bertajuk "Pentadbiran Pemerintahan British di Semenanjung Tanah Melayu", oleh Ahmad Salim pada tahun 1941 yang hendak disiarkan oleh akhbar *Lembaga Malaya* disekat dari disiarkan oleh Pejabat Agama Johor (Censorship Board). Rencana ini boleh didapati dalam Mariam Husin, "Lembaga Malaya, 1934-41", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1979/80, hlm. 165.

suaikan diri dengan sistem sosial yang wujud sekiranya mereka ingin mencapai kemajuan. Ini tidak pula bermakna mereka tidak bersifat kritikal terhadap penjajahan. Mereka tetap menunjukkan kritikan, namun ia bukanlah bertujuan untuk meruntuhkan sistem yang ada, tetapi sekadar memberi peringatan kepada *pelindung* masyarakat Melayu itu akan tanggungjawabnya. Di samping itu mereka menuntut pembelaan yang lebih adil daripada pihak penjajah terhadap nasib buruk yang sedang melanda orang-orang Melayu. Dalam situasi seperti inilah kita dapat memerhatikan bagaimana akhbar dan majalah dalam tahun-tahun 1920-an sehingga 1941 membicarakan isu-isu berkaitan dengan kemunduran dan kemajuan orang-orang Melayu.

Artikel ini bertujuan meninjau isu-isu kemunduran dan kemajuan masyarakat Melayu yang menjadi dua tema utama dalam akhbar dan majalah sepanjang tempoh tersebut.⁴ Kajian ini menumpukan kepada tahun-tahun 1920-an sehingga 1941 kerana jangka masa ini merupakan satu zaman yang genting kepada masyarakat Melayu. Dalam jangkamasa inilah sistem sosial kolonial mengalami proses pembentukan yang semakin nyata dan bertambah mantap. Sementara orang Melayu pula berhadapan dengan suasana politik, ekonomi dan sosial yang semakin mengugat kestabilan hidup mereka. Malahan dalam jangkamasa inilah orang Melayu mula menjadi sebuah masyarakat *pinggir* yang semakin ketinggalan dalam banyak bidang.⁵

Keadaan yang genting itu turut mempengaruhi dunia persuratkhabaran Melayu. Dalam tahun-tahun 1920-an dan seterus-

⁴Oleh kerana terlalu banyak akhbar dan majalah yang terbit sepanjang tempoh tersebut, maka hanya beberapa buah akhbar sahaja yang digunakan sebagai sumber rujukan kajian ini. Namun begitu, akhbar dan majalah yang digunakan adalah merupakan yang paling terkemuka ketika itu. Akhbar dan majalah tersebut ialah, *Saudara*, *Al-Ikhwan*, *Al-Hikmah*, *Pengasuh*, *Warta Malaya*, *Majlis*, *Utusan Melayu*, *Majalah Guru*, *Warta Ahad*, *Pemimpin Melayu* dan *Sahabat*. Sebahagian besar rencana mengenai sosio-ekonomi orang Melayu yang tersiar dalam media-media tersebut menjadi sumber utama kepada perbincangan dalam artikel ini. Untuk mendapatkan latarbelakang mengenai akhbar dan majalah tersebut dan juga para pengarangnya sila lihat Arkib Negara Malaysia, *Katalog Suratkhabar dan Majalah Bahasa Malaysia*, Siri Katalog, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1985.

⁵Rujuk Lim Teck Ghee, *Peasants and Their Agricultural Economy in Colonial Malaya, 1874–1941*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1977; Lihat juga, Abdul Malik Munip, "Perancangan Pentadbiran Kolonial Inggeris: Kesannya ke atas Ekonomi Melayu", dalam Zainal Kling, ed., *Masyarakat Melayu: Antara Tradisi dan Perubahan*, Penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1977, h. 127–42; dan Lim Mah Hui, "Ethnic and Class Relation in Malaysia," dalam *Journal of Contemporary Asia*, vol. 10, no. 1–2, 1980, hlm. 1.

nya, majalah dan akhbar mula memberikan tumpuan yang mendalam kepada isu-isu sosio-ekonomi dan bukan lagi kepada persoalan keagamaan dan kemasyarakatan yang disentuh secara ringan sahaja.⁶ Sebahagian besar dari rencana yang diterbitkan itu mengupas masalah sosio-ekonomi orang Melayu dengan lebih mendalam, menyeluruh dan berasas. Perubahan tumpuan akhbar dan majalah Melayu pada tahap ini berkait rapat dengan perubahan sosial, ekonomi dan politik Tanah Melayu yang semakin memperlihatkan "beberapa perkembangan yang dianggap menyimpang daripada keadaan yang wujud pada masa yang lebih awal."⁷ Keadaan ini dapat kita perhatikan dengan jelas daripada gambaran yang diberikan oleh sebuah rencana dalam *Pengasuh* yang terbit pada tahun 1920;

... maka bangunlah segala mereka yang mempunyai perhatian mengangkatkan kepalanya hal keadaan dengan pandangan yang dahsyat dan tercengang-cengang kerana sesungguhnya mereka itu mengetahui peri perubahan yang amat besar di antara kaum kita dengan negara kita...⁸

Petikan di atas secara tidak langsung menggambarkan kepekaan akhbar dan majalah Melayu terhadap apa yang sedang berlaku di Tanah Melayu ketika itu. Sementara itu, seperti yang tergambar dalam rencana tersebut, orang Melayu sudah semakin nyata gagal mengambil peranan secara aktif dalam ekonomi yang

⁶W.R. Roff, *Nasionalisma Melayu*, terj. Ahmad Boestamam, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 75. Adalah tidak dinafikan bahawa akhbar dan majalah yang terbit sebelum itu ada membincangkan tentang soal-soal kemunduran dan kemajuan orang Melayu, tetapi perbincangan tersebut bukannya merupakan pokok persoalan yang menjadi perhatian utama akhbar dan majalah ketika itu. *Al-Imam* dan *Neraca* misalnya menyentuh aspek-aspek tersebut dalam rencana-rencana yang tersiar ketika itu. Lihat Mohd. Sarim Mustajab, "Neraca 1910 – Jun 1915: Penyambung Nafas Islah Al-Imam", *Jurnal Budaya Melayu*, Jilid 3, bil. 1, 1978, hlm. 93–107.

⁷Khoo Kay Kim, "Tahun 1920 dalam Sejarah Malaysia," *Jurnal Sejarah*, Jilid IX, 1970, hlm. 71; Lihat juga perbincangan Roff mengenai perkembangan di tahun 1920an. Mengikut Roff, dalam tahun 1920an, banyak akhbar/majalah diterbitkan. Antara tahun 1920–30, sebanyak 34 buah diterbitkan. Ia berdasarkan pada beberapa faktor. Antaranya ialah kesedaran orang Melayu yang semakin meningkat pada tahun 1920an kesan daripada perkembangan pelajaran, perubahan-perubahan dasar Inggeris mengenai penyertaan orang Melayu dalam kerajaan, kesedaran orang Melayu mengenai kemunduran ekonomi-sosial mereka berbanding dengan kaum-kaum lain, pengaruh Indonesia yang luas merebak di kalangan intelektual Melayu, kesan daripada tuntutan orang-orang China yang semakin mengancam kepentingan orang Melayu dan dasar Disentralisasi. Lihat W.R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, hlm. 206; 250–67.

⁸"Bandingan Dahulu dan Sekarang", *Pengasuh*, Bil. 55, Sept. 1920.

sedang berkembang pesat ketika itu. Pada ketika yang sama juga, penguasaan orang asing ke atas ekonomi Tanah Melayu semakin meningkat. Situasi tersebut semakin nyata memperlihatkan bahawa orang-orang Melayu telah terpinggir daripada arus pembangunan dan ini menimbulkan rasa terdesak di kalangan intelek Melayu untuk membangunkan masyarakat Melayu dan memperkuatkan kedudukan ekonomi mereka. Kesedaran tersebut mendorong mereka membuat berbagai-bagai penulisan dan mengupas masalah-masalah dan gangguan yang pada tanggapan mereka menjadi punca utama mengapa masyarakat Melayu begitu lemah dalam persaingan merebut kekayaan ekonomi Tanah Melayu. Di samping itu, mereka juga mengemukakan berbagai-bagai kaedah bagi mengukuhkan kedudukan masyarakat Melayu untuk membolehkan mereka berperanan dengan aktif dalam masyarakat majmuk ketika itu.

Kebanyakan rencana dalam akhbar dan majalah ketika itu, menunjukkan betapa tingginya kesedaran dan seriusnya para intelek dalam memberi pedoman kepada masyarakat mereka. Bertolak daripada sinilah kita dapat meneliti bagaimana isu kemunduran itu dibincangkan dan bagaimana pula idea-idea mengenai kemajuan (pembangunan) disebarluaskan ke tengah-tengah masyarakat sapanjang tempoh tersebut.

Sebelum meneliti isu dan idea-idea tersebut, elok kita lihat dahulu konsepsi mereka terhadap kemunduran dan kemajuan. Za'aba, seorang intelek Melayu yang terkemuka dan banyak menulis dalam akhbar dan majalah Melayu pada tahun-tahun 1920-an dan 1930-an menghuraikan kedudukan masyarakat Melayu seperti berikut;

... Kemiskinan orang-orang Melayu ialah kemiskinan yang meliputi serba-serbinya dan mengelilingi mereka itu pada segala pihak.⁹

Daripada apa yang dikemukakan oleh Za'ba dapatlah dibuat generalisasi ke atas keadaan masyarakat Melayu ketika itu. Za'ba secara umumnya cuba menghuraikan bagaimana lemahnya kedudukan masyarakat Melayu secara relatifnya dalam bidang sosial dan ekonomi yang menyebabkan mereka tidak berupaya menjadi sebahagian daripada segmen yang utuh dalam struktur dan sistem sosial kolonial itu. "Kemiskinan orang-orang Melayu", menurut Za'ba "ialah meliputi serba-serbinya," yang secara tidak langsung merujuk kepada keadaan taraf hidup, perekonomian, kesihatan, pendidikan, pemakanan, dan sebagainya yang sangat rendah. Huraian beliau itu diperjelas lagi oleh petikan di bawah seperti berikut:

⁹ Za'ba, "Kemiskinan orang-orang Melayu", *Al-Ikhwan*, 16 Mac, 1927.

... Pada masa ini orang Melayu dihitungkan daripada bilangan yang lemah. Maka kelemahan kita itu tentulah ada dengan sebab-sebabnya dan dampak pada apa yang zahir itu terutamanya kita lemah pada pelajarannya, pengetahuan perusahaan dan kekayaan hingga jadilah kita tidak tahu seperti apa yang orang lain mengetahuinya dan tidak dapat membuat kekayaan seperti yang lain-lain bangsa telah memperbuatnya.¹⁰

Petikan itu membawa makna yang lebih luas. Ia cuba menunjukkan keadaan dan kedudukan masyarakat Melayu yang mula ketinggalan dalam berbagai-bagai bidang berbanding dengan masyarakat yang lain, dan dalam keadaan tersebut bolehlah dikatakan bahawa orang Melayu berada dalam situasi kemunduran seperti yang dihuraikan oleh petikan ini;

... Kemunduran kita bukan sahaja di dalam perkara-perkara harta benda atau kekayaan wang ringgit akan tetapi dalam serba-serbi perkakas yang terjumlah pada syarat-syarat kemajuan yang sebenar iaitu tentang pelajaran, pekerjaan atau pangkat martabat, perusahaan pertukangan atau kerajinan, perniagaan dan pengkebunan hingga pun di dalam perkara-perkara kesempurnaan berpersatuan yang boleh dipandangkan bermakna bagi perikatan bersama-sama dalam muslihat politik, ekonomi, pelajaran dan pergaularan masyarakat kita yang khas dan yang am.¹¹

Daripada petikan tersebut bolehlah dibuat kesimpulan bahawa dalam akhbar dan majalah Melayu, konsep kemiskinan telah digunakan sebagai sinonim kepada konsep kemunduran yang mana kedua-duanya merujuk kepada peminggiran masyarakat Melayu daripada arus pembangunan ekonomi kolonial. Peminggiran tersebut menyebabkan masyarakat Melayu menghadapi kesukaran untuk bergiat dan bersaing dalam ekonomi moden itu. Kepada akhbar dan majalah Melayu ketika itu, pembangunan ekonomi yang berlaku tanpa penyertaan secara aktif masyarakat Melayu hanya akan memperluaskan lagi jurang di antara masyarakat itu dengan masyarakat asing dan seterusnya mengukuhkan lagi benteng kemunduran itu. Sebuah rencana dalam hal ini menegaskan;

... hendaklah diingat akan tiap-tiap perusahaan rakyat atau putera bumi negeri itulah yang benar-benar menjadi ukuran dan landasan di antara mundur dan maju kerajaan negeri itu! Ertinya jika mundur keadaan perusahaan anak negeri itu nescaya tak dapat tiada lambat launnya akan mundurlah kerajaan negeri itu dengan makna dan rupa kemunduran yang sebenar-benarnya (bukan palsu) demikian sebaliknya.¹²

¹⁰ "Pergantungan Bangsa Pada Kemuliaan," *Al-Hikmah*, 30 Mei, 1940.

¹¹ "Bercakap atau Bekerja," *Saudara*, 13 Disember, 1937.

¹² "Perusahaan Anak Negeri," *Saudara*, 15 Februari, 1936.

Berpunca daripada hakikat kemunduran itulah maka kebanyakan akhbar dan majalah Melayu mengambil peranan secara aktif menyalurkan idea-idea kemajuan kepada masyarakatnya dengan tujuan untuk memberi arahpandu bagi memecahkan benteng kemunduran tersebut. Sehubungan dengan matlamat itu, masyarakat Melayu dianjurkan supaya memasuki dunia kamajuan atau dunia moden yang sedang berkembang di sekeliling mereka. Mereka juga dianjurkan supaya memahami dengan lebih jelas dan mendalam makna kamajuan atau moden itu. Ada banyak rencana yang memperkatakan perkara ini secara terperinci dengan tujuan untuk membetulkan tanggapan masyarakat pada ketika itu terhadap 'maju' dan 'moden'.¹³

Pada umumnya, konsep maju dan moden digunakan secara bertimbang balik dengan membawa makna yang sama. Kedua-dua digunakan bagi merujuk kepada satu situasi bagaimana sesebuah masyarakat itu sentiasa berupaya menguasai kehidupan mereka, mampu bersaing untuk merebut segala peluang ekonomi yang terbuka dan sentiasa pula berusaha untuk meningkatkan pencapaian dan kedudukan sosio-ekonomi mereka ke tahap yang lebih tinggi. Dua petikan di bawah menghuraikan erti kemajuan itu seperti berikut;

... Kemajuan itu ialah tiap-tiap perkara yang membawa kemegahan bangsa dan mendatangkan beberapa kebajikan dengan rajin dan usaha serta ilmu pengetahuan yang dipelajari atau dicari pada tempat pelajaran merata daerah, jajahan dan negeri ialah dengan kepandaian yang telah dipelajari dan usahanya pada mencubai rika buat selidik halus-haluskan segala-gala yang difikir membawa kebajikan bagi umum anak negeri dan bangsa hingga menjadi beribu-ribu macam perbuatan yang pelik-pelik dan lainnya. Disertakan dengan tanam-tanaman yang menambahkan kekayaan tanah air dan membanyakkan hasil mahsul negeri. Dengan tiada ketinggalan pada pertukangan yang boleh mengadakan perbuatan yang baik-baik menunjukkan bijaksana, petah dan halus perbuatannya. Dijalankan perniagaan yang membawa keluar masuk segala barang-barang pertukangan dan tanaman itu.¹⁴

Rencana di dalam *Pengasuh* pula menyebut;

... Kemajuan itu ialah tiap-tiap perkara yang membawa bagi kemegahan bangsa, dan yang mendatangkan beberapa kebajikan dan menjadi makmur tanah air hingga bertambah ia pada setiap masa.¹⁵

¹³ Lihat rencana-rencana seperti, "Apa itu Moden," *Warta Ahad*, 16 Mei, 1937; "Jalan Bagi Mengenal Adakah Negeri Itu Mundur atau Maju," *Al-Hikmah*, 2 Jun, 1936; "Adakah Bangsa Melayu Sudah Maju," *Majalah Guru*, Jan. 1935.

¹⁴ "Adakah Bangsa Melayu Sudah Maju," *Majalah Guru*, Jan., 1935.

¹⁵ "Kemajuan Bangsa Melayu," *Pengasuh*, 19 Dis., 1918.

Nyata sekali konsep kemajuan yang diperkatakan itu meliputi berbagai-bagai bidang kehidupan masyarakat. Kemajuan adalah satu proses transformasi yang melibatkan struktur dan sistem hidup masyarakat, terutamanya dalam merombak bahagian-bahagian yang tidak berfungsi secara dinamis dan progresif. Kebanyakan akhbar dan majalah nampaknya bersikap kritikal terhadap sikap dan tindak tanduk masyarakat Melayu berhubung dengan kefahaman dan tanggapan mereka terhadap kemajuan dan kemodenan. Masyarakat Melayu menurut pandangan akhbar dan majalah ketika itu telah menyimpang daripada konsepsi kemajuan yang diperkatakan itu. Mereka sebaliknya, melihat kemajuan sebagai satu bentuk peralihan dari segi gaya hidup dan bertingkah laku sebagaimana dalam gaya dan tingkah laku orang-orang Barat. Pendek kata, kemajuan yang berlaku kepada masyarakat Melayu adalah kemajuan yang bersifat *consumption oriented*, iaitu satu kecenderungan ke arah menurut kehendak-kehendak semasa dari segi gaya hidup dan bertingkat laku seperti yang disebutkan tadi. Akibat daripada kecenderungan itulah dilihat oleh kebanyakan rencana sebagai puncak kepada kegagalan masyarakat Melayu menguasai alam persekitaran mereka. Hasilnya, mereka menjadi seperti yang disifatkan oleh sebuah rencana sebagai "bangsa pembeli dan pengguna", bukannya bangsa "penjual."¹⁶ Melalui konsep kemajuan yang diutarakan itu, rata-rata akhbar dan majalah telah menyeru kepada masyarakat Melayu supaya mengambil konsep kemajuan seperti yang diperkatakan di atas. Dengan memahami dan menyemaikannya dalam kehidupan secara ekstensif barulah masyarakat boleh berubah. Dan seterusnya berupaya muncul sebagai "bangsa penjual dan pencipta" dan berkebolehan dalam "mencari wang dengan wang, mencari perusahaan dengan usaha dan mencari kemajuan dengan tenaga".¹⁷ Melalui cara inilah masyarakat boleh mengalami perubahan seperti kata Za'ba;

... menambah akan baik keadaan daripada yang sedia ada. . naiklah kaum Melayu ini daripada buruk kepada elok, daripada kurang kepada lebih, dan apabila rendah kepada tinggi pada serba-serbinya. Kerana jikalau tetap atau berbalik-balik dan berbelit-belit di situ sahaja tiada bertambah-tambah baik atau elok nescaya tidaklah dinamakan (maju) apa lagi jika makin hari semakin belakang atau ke bawah; yang demikian itu ialah (mundur) (Pengunduran),¹⁸

¹⁶"Kemajuan Melayu", *Pengasuh*, 13/27 Feb. 1926; "Lintasan Fikiran Pada Hari Raya", *Saudara*, 27 Okt. 1937.

¹⁷"Perusahaan dan Kemajuan", *Majalah Guru*, Jun, 1932.

¹⁸"Kegunaan Kekayaan", *Al-Ikhwan*, 16 Jan., 1926.

Perbincangan di atas menggambarkan bagaimanakah situasi yang dihadapi oleh masyarakat Melayu dan arah tuju yang hendak dibawa oleh para intelek Melayu menerusi media akhbar dan majalah ketika itu. Berdasarkan kepada perbincangan dan kupasan-kupasan mengenai kemunduran dan kemajuan yang dibuat secara mendalam di dalam akhbar dan majalah Melayu dalam tempoh dua puluh tahun ini, tidaklah keterlaluan kalau dikatakan seolah-olah wujudnya satu gerakan menyebarkan idea-idea kemajuan di kalangan para intelek melalui akhbar dan majalah Melayu untuk membangunkan masyarakat mereka. Dalam "gerakan" itu mereka menggariskan berbagai-bagai punca dan akar umbi yang membawa masyarakat Melayu kepada kemunduran. Di samping itu pula, mereka juga menggalurkan berbagai-bagai cara untuk mengeluarkan masyarakat Melayu daripada situasi itu dan membawanya dalam dunia kemajuan.

Sebelum ditinjau lebih lanjut mengenai kemunduran masyarakat Melayu sepertimana yang dikupas dalam akhbar dan majalah itu, elok diperhatikan dahulu beberapa petikan berikut,

Perkataan negeri-negeri itu bukannya semata-mata berkehendakkan negerinya sahaja maju bahkan tujuannya yang sebenar ialah memajukan negeri Melayu ini serta memajukan anak-anak negeri dengan pimpinan pegawai-pegawai Inggeris di Negeri Melayu. Sekarang sepanjang perjanjian yang tersebut itu sudahkah ditunaikan (bahkan) dan adalah kemajuan negeri Melayu itu dimajukan oleh anak negerinya (tentu tidak!!!) hanyalah dimajukan oleh bangsa-bangsa yang bukan Melayu. Disebabkan anak-anak negerinya sentiasa tersekat terganggu seolah-olah kehidupan orang Melayu sebagai terpadung (tunas) asalkan berpadung sahaja sudah dipatahkan atau dengan perkataan sebagai hidup di luar pagar. Hidup dengan tidak berkawal dan terbiar itulah maka orang Melayu belum pun mengecap kemajuan (madu) di Tanah airnya.¹⁹

... Dari hari ke sehari keadaan di Tanah Melayu ini bertambah berkemajuan di mata orang-orang Barat dan semakin hari semakin bertambah kaya akan tetapi apabila dikenangkan bahwasanya siapakah yang boleh dibilangkan berkemajuan, apakah yang boleh dibilang baik dan siapakah yang dikatakan kaya. Maka tak dapat tiada di sisi orang-orang Melayu yang mengetahui sebenar-benar hal kehidupan dan kedudukankekayaan yang disebut di atas tadi hanyalah akuan-akuan yang kosong sahaja kerana adalah segala-gala sifat itu pada hari ini di Semenanjung Tanah Melayu ini hanyalah menepati kepada bangsa asing sahaja yang sentiasa berkemenangan di Tanah Melayu ini adanya.²⁰

... Bangsa Melayu adalah menjadi orang tepi untuk melihat-lihat sahaja dan kalaupun sedikit menempel-nempel di tepi. Selain daripada itu ialah

¹⁹ "Malaya amnya gaduhkan kelayakan," *Saudara*, 16 Jan., 1940.

²⁰ "Tanah Melayu kerana Melayu?" *Lembaga*, 3 Sept., 1938.

melakukan barang-barang pasar yang murah-murah begitulah nasib bangsa Melayu bumiputera kepada sebuah negeri yang mahsyur kekayaan dan bagusnya tamadunnya.²¹

... Negeri ini bertambah maju, bahkan kaum Melayu kita bertambah mundur. Kerana serba serbi perkara yang dikatakan kemajuan negeri itu kesemuanya bagi kejayaan bangsa asing sahaja.²²

Petikan-petikan tersebut menggambarkan bagaimana keadaan dan kedudukan masyarakat Melayu di bawah pentadbiran kolonial Inggeris sehingga penghujung tahun 1930-an. Daripada gambaran tersebut wujud dua keadaan yang berbeza. Pertama, tidak syak lagi bahawa pada zaman kolonial, Tanah Melayu mengalami "pembangunan ekonomi" yang begitu pesat, serta "bertambah maju" dan "bertambah kaya". Manakala yang keduanya pula, tidak dapat dinafikan lagi bahawa disebalik pembangunan itu, masyarakat Melayu semakin terpinggir, kalau pun tidak tersisih sepenuhnya daripada orbit pembangunan itu. Sehubungan dengan itu, banyak persoalan ditimbulkan dalam akhbar dan majalah berkenaan mengapakah wujudnya dua situasi yang berbeza dalam satu lokaliti dan persekitaran pembangunan ekonomi yang sama. Dan mengapakah pembangunan di Tanah Melayu ini tidak dapat menarik penglibatan masyarakat Melayu.

Dalam memperkatakan persoalan-persoalan itu hurai-huraian mengenainya berkisar kepada dua aspek utama. Pertamanya ialah hurai-huraian berkait dengan kelemahan-kelemahan yang berpunca dari pada sifat-sifat dalaman masyarakat Melayu itu sendiri yang dimanifestasikan melalui kelemahan sistem sosio-budaya, pola perlakuan ekonomi-politik dan sistem ideologi atau tegasnya etos Melayu. Melalui hurai-huraian itu, ternyata bahawa aspek-aspek itu tidak ditolak sebagai salah satu punca yang menyekat perubahan masyarakat Melayu kepada kemajuan. Manakala dalam hurai-huraian yang kedua pula, hurai-huraiannya meletakkan punca kemunduran kepada kesan-kesan kolonialisme, terutamanya dari segi polisi-polisi pembangunan dan tindak tanduk kolonial yang tidak serius dalam membangunkan masyarakat Melayu. Malahan, faktor ini dipertanggungjawabkan sebagai elemen yang membantu mengukuhkan lagi sifat-sifat dalaman yang negatif itu. Dalam hal ini hurai-huraian tersebut nampaknya melihat faktor dalaman dan luaran (kolonialisme) sebagai mempunyai sebab dan akibat secara bertimbang balik, malahan berkait rapat dalam mengganggu masyarakat Melayu kepada kemajuan. Daripada apa yang dibang-

²¹"Usaha Bangsa Kita", *Majlis*, 11 Dis., 1939.

²²"Bercakap atau bekerja," *Saudara*, 13 Dis., 1937.

kitkan itu, timbul persoalan dalam fikiran kita, yakni sejauh manakah sifat-sifat dalam sesebuah masyarakat itu berperanan dalam menentukan dan mempengaruhi pencapaian dan kedudukan masyarakat yang berkenaan? Jika diteliti kepada rencana-rencana dalam akhbar dan majalah ketika itu, nampaknya aspek dalam sesebuah masyarakat memainkan peranan yang besar juga dalam menyekat perubahan. Daripada penelitian yang dibuat ke atas rencana-rencana itu, kebanyakannya menyimpulkan bahawa terdapat banyak unsur-unsur yang bersifat negatif dalam sistem sosio-budaya, pola perlakuan ekonomi-politik dan sistem ideologi masyarakat Melayu. Perkara ini sebenarnya telah banyak dibahaskan oleh ahli kaji sosial.²³ Kritik-kritik ke atas penulisan yang menekankan kepada aspek tersebut semata-mata dalam menghuraikan kemunduran, mensifatkannya sebagai "pseudo-scientist ideologist of colonialism" dan "apologetic in essence" yang bertujuan mengukuhkan *supremacy* dan dominasi kolonial. Proses *brain-washing* oleh pihak kolonial menerusi sistem pendidikan yang diorientasikan ke arah pengukuhan *superiority* kolonial, mengukuhkan lagi sifat-sifat tersebut di kalangan para intelek tempatan yang melihat masyarakat mereka dengan serba kekurangan. Ini juga menyebabkan timbulnya pandangan yang sama dengan pihak kolonial dalam menghuraikan kemunduran.

Kebanyakan rencana yang tersiar di dalam akhbar/majalah Melayu pada umumnya memberi perhatian kepada sifat-sifat masyarakat Melayu yang dikatakan masih kuat diselubungi oleh

²³Sila lihat perbincangan mengenai perkara ini oleh Syed Husin Al-Attas *The Myth of the Lazy Native*, Frank Cass, London, 1977; 136–42, hlm. 204–237. Lihat juga, Samuel Kodjo, "Development Theory: A Critical Assessment," dalam John F. Forje, ed., *Third World Development and the Myth of International Cooperation*, Jenifer publication, Lund, Sweden, 1984, hlm. 31–41; dan Gunnar Myrdal, "Underdevelopment and the Evolutionary Imperative", dalam *Third World Quarterly*, vol. 1, no. 2, 1979, hlm. 25–40. Untuk mendapat gambaran yang lebih mendalam mengenai sifat-sifat yang tersebut di atas, sila perhatikan rencana-rencana berikut: "Kaum Melayu di dalam tuntutan kemajuan terbahagi kepada tiga bahagian," *Saudara*, 28 Sept., 1932; "Rahsia kemunduran umat Islam," *Saudara*, 2 Sept., 1936; "Kelemahan bangsa Melayu," *Utusan Melayu*, 27 April, 1920; "Pemikiran dari hal kemunduran umat Islam" *Al-Ikhwan*, 16 Jan., 1930; "Orang Melayu Lemah," *Bumiputera*, 30 Nov., 1933; "Malu" *Warta Malaya*, 11 Mac, 1930; "Kemajuan – Kejatuhan Kaum," *Pemimpin Melayu*, 8 Ogos, 1933; "Orang Melayu dengan angan-angannya," *Pemimpin Melayu*, 19 Dis., 1933; "Perasaan tumpul hati di dalam bangsa Melayu," *Saudara*, 29 April, 1936; "Kita miskin, kita berkehendakkan kaya," *Al-Hikmah*, 18 Julai, 1940; "Suatu daripada bahaya yang menggalangkan tuntutan kemajuan," *Al-Hikmah*, 15 Ogos, 1940; dan "Adakah orang Melayu telah bertamadun," *Warta Ahad*, 8 Jan., 1939.

sikap seperti lalai dan lengah, tiada kemahuhan yang bersungguh-sungguh dalam mata pencarian, tiada kekuatan cita-cita atau motivasi, kurang kesedaran, berpandangan sempit, kurang semangat tolong-menolong, kurang berdikari, bersikap *apathy* dan tak-sub. Sifat-sifat tersebut dianggap menjadi punca kepada pembentukan masyarakat moden, *motivating ideology* dan seterusnya *precondition* kepada kemajuan *vis-a-vis* pembangunan. Ini seterusnya, dilihat oleh rencana-rencana itu sebagai punca kepada tumbuhnya semangat kurang hendak bersaing dalam kehidupan. Kurangnya semangat itu menyebabkan masyarakat Melayu gagal untuk mengatasi masalah mereka sendiri dan tidak berupaya mengatasi kemajuan yang dicapai oleh masyarakat lain. Oleh hal yang demikian, dikatakan mereka menjadi semakin ketinggalan dari masa ke semasa.²⁴ Dalam memperkatakan sifat-sifat negatif tadi, kebanyakan penulis waktu itu menjadikan sikap, sifat dan personaliti bangsa-bangsa Barat yang telahpun maju, sebagai ukuran mereka. Misalnya seperti yang terkandung dalam petikan ini:

... kemajuan bangsa Barat berasaskan kepada sikap tidak memadai atau berpuashati dengan apa yang telah diperolehinya daripada nikmat-nikmat yang tersebut itu bahkan bersungguh-sungguh pula berusaha pada menambahkan mana yang sudah ada di dalam miliknya itu. Tindak tanduk bangsa yang maju digerakkan oleh sikap yang sentiasa tidak cukup, ingin mengatasi orang lain (cemburu) menyebabkan mereka sentiasa cuba melakukan sesuatu yang baru.²⁵

²⁴ Kebanyakan akhbar/majalah yang dikaji memperkatakan aspek ini secara mendalam. Rencana-rencana yang tersiar sepanjang period ini mensifatkan sistem sosio-budaya memainkan peranan yang besar dalam melambatkan kemajuan Melayu. Za'ba, seorang intelektual Melayu paling terkemuka ketika itu dalam hampir kesemua tulisannya mengkritik aspek ini sambil mensifatkannya sebagai penghalang kemajuan orang Melayu. Lihat beberapa rencananya seperti "Kemajuan Melayu," *Al-Ikhwan*, 16 Mac, 1927; 16 April, 1927; 16 Mei, 1927; "Jalan keselamatan bagi orang Melayu," *Al-Ikhwan*, 16 Jun, 1927; 16 Julai, 1927; 16 Ogos, 1927. Lihat juga "Berpegang pada diri sendiri," *Pengasuh*, 16 Mei, 1923, "Perasaan tumpul hati di pada diri sendiri," *Saudara*, 29 April, 1936; "Zaman Kecemasan di atas umat Melayu," *Warta Melayu*, 18 Ogos 1936; "Apakah kemiskinan Melayu," *Pemimpin Melayu*, 18 Julai, 1933; 25 Julai, 1933; 1 Ogos, 1933; "Belia-belia Melayu dengan semangat bekerja," *Warta Ahad*, 7 Ogos, 1941; "Adakah Bangsa Melayu mudah maju," *Majalah Guru*, Januari 1935; "Kelemahan bangsa Melayu," *Utusan Melayu*, 27 April, 1920; "Apa yang merintang kemajuan Melayu," *Majlis*, 19 April, 1934.

²⁵ "Tamak dan haloba yang bermakna," *Saudara*, 2 April, 1932.

Contoh yang sama boleh dilihat dalam petikan berikut:

... Dalam dunia kita ini, boleh kita dapati ada berbagai-bagai bangsa manusia: Ada bangsa yang sudah maju hampir-hampir kemuncak kemajuan, ada bangsa yang sedang mandaki kemajuan dan ada juga bangsa yang masih di dalam perut bumi yakni jauh benar tertinggal ke belakang. Maka adalah bangsa yang maju itu mereka tersangat rajin dan usaha bekerja, perhatikanlah bangsa Inggeris, Jerman, Amerika, Jepun, China dan lain-lain. Sebaliknya bangsa yang tidak maju mereka malas bekerja ... bahawa memang benar bangsa-bangsa yang maju itu penuh dengan cita-cita tinggi dan usaha ikhtiar tekun bekerja. Hal ini sudah menjadi teradat yang sebatи pada tiap-tiap bangsa itu, tidaklah payah dipimpin dan dibela lagi, bahkan lebih-lebih pula majunya jika dibuat demikian.²⁶

Sifat-sifat negatif yang melemahkan dan bertentangan dengan ciri-ciri kemajuan digambarkan dalam kedua-dua petikan itu. Bagi setengah-setengah rencana, terutamanya yang terbit dalam akhbar dan majalah seperti *Al-Ikhwan*, *Saudara*, *Warta Malaya*, *Suara Melayu*, *Warta Ahad*, dan *Utusan Melayu* kritik-kritik mereka berkait dengan kaedah pengajaran dan penyebaran Islam di kalangan masyarakat Melayu.²⁷

Namun begitu, Islam sebagai agama pada dasarnya, adalah disifatkan sebagai sistem beragama yang sempurna. Penulis-penulis itu melihat Islam sebagai agama yang progresif, mementingkan ilmu pengetahuan, mendorong manusia menguasai alam sekelilingnya. Pendeknya, ia tidaklah bercanggah dengan kamajuan, malah boleh pula menjadi penggerak kepada sesebuah masyarakat itu sebagaimana yang telah terbukti pada zaman keagungannya. Akan tetapi, mereka menganggap sistem beragama yang diamalkan dalam masyarakat Melayu ketika itu telah terseleweng dan menjadi sempit sehingga ia muncul kepada masyarakat Melayu sebagai satu bentuk agama yang hanya mementingkan akhirat semata-

²⁶ "Semangat Bekerja," *Majalah Guru*, Januari, 1940.

²⁷ Lihat misalnya rencana Za'ba, "Kemiskinan Melayu," *Al-Ikhwan*, 16 Mac, 1927. Dua orang lagi tokoh intelek Melayu yang membincangkan aspek ini secara kritis ialah Abdul Rahim Kajai dan Syed Sheikh Al-Hadi. Mereka mensifatkan kelemahan dalam kaedah pengajaran dan penyebaran Islam menyebabkan berlakunya "kemunduran beragama" di kalangan orang Melayu. Lihat perbincangan Kajai, "Perasaan kepada berniaga: Pemandangan di atas dan sebab-sebab kemunduran Melayu," *Saudara*, 29 Dis., 1928; lihat juga "Kejatuhan orang Islam," *Saudara*, 31 Mac, 1935; "Kelemahan bangsa Melayu," *Utusan Melayu*, 27 April 1920; "Adakah Islam menegahkan kita daripada dunia," *Suara Melayu*, 19 Dis., 1933; "Agama Islam dan ilmu," *Warta Malaya*, 2 Jan., 1930; "Bukan sekali-kali ugama Islam ini sebab bagi kejatuhan kaum Islam, tetapi nya sebab angkara ketua-ketua agama," *Al-Ikhwan*, 16 Disember, 1930 dan "Islam mengadap musuh sekeliling Pinggang," *Majlis*, 10 Dis., 1934.

mata. Dari itu, berlakulah apa yang disifatkan sebagai kemunduran beragama, ekoran daripada kesempitan sudut pandangan para penguasa agama itu sendiri. Hal ini menjadi punca kepada timbulnya sikap *apathy* di kalangan masyarakat. Keadaan kemunduran beragama itu juga kemudiannya menyebabkan terganggunya pertumbuhan intelek dan perombakan semula ideologi yang terarah kepada perubahan, penbaharuan dan cenderung kepada kemajuan di kalangan masyarakat. Dalam hal ini, dua petikan berikut menegaskan:

... dijadikan agama itu suatu pelajaran yang sulit dan rahsia dengan menyembunyikan alasan-alasan dan keterangan yang mana akhirnya tiada dapat lagi dirasa oleh kekuatan akal manusia, dan jadilah umat Islam itu bingung dan meraba-raba dalam agamanya...²⁸

... sebenarnya orang Islam pada masa itu telah terhenti daripada menggunakan akal fikiran mereka itu... oleh sebab itu mereka makin sehari makin ke bawah rupanya.²⁹

Persoalan di sini ialah bagaimakah keadaan ini berlaku kepada masyarakat Melayu? Dan sejauh manakah pula ia mempengaruhi pergerakan mereka? Berkait dengan persoalan itu, kritik-kritik ke atas aspek ini dikaitkan dengan sistem pendidikan tradisional Melayu.³⁰ Sistem tersebut dilihat oleh para pengkritik itu sebagai terlalu sempit, iaitu lebih mementingkan kepada kehidupan akhirat dan kerohanian semata-mata sehingga kurang memberikan perhatian kepada keduniaan dan pengajarannya pula tidak mementingkan pentafsiran secara mendalam. Corak pendidikan yang sedemikian dianggap telah melindungkan sifat-sifat dinamis dan progresif yang ada dalam agama Islam:

²⁸"Fikiran Darihal Kemunduran Umat Islam," *Al-Ikhwan*, 16 Dis., 1929.

²⁹"Kejatuhan Orang-orang Islam," *Saudara*, 13 Mei, 1933.

³⁰Lihat rencana-rencana seperti, "Islam dan ilmu," *Warta Malaya*, 2 Jan., 1930; "Pemikiran darihal kejatuhan umat Islam," *Al-Ikhwan*, 16 Jan., 1930; "Perasaan kepada berniaga: Pemandangan di atas dan sebab-sebab kemunduran umat Islam," *Saudara*, 29 Dis., 1928; "Kelemahan bangsa Melayu," *Utusan Melayu*, 27 April, 1920; "Adakah Islam menegahkan kita daripada dunia," *Suara Melayu*, 9 Dis., 1933; "Perkara-perkara yang menyebabkan kejatuhan Melayu," *Saudara*, 15 Okt., 1932; "Apakah kemiskinan Melayu," *Pemimpin Melayu*, 18 Julai, 1933; 25 Julai, 1933; 1 Ogos, 1933; "Memperbaiki kehidupan orang-orang Melayu," *Warta Ahad*, 5 Mei, 1935; "Adakah orang Melayu telah bertamadun," *Warta Ahad*, 8 Jan., 1938; "Sebab kebelakangan kaum ku Melayu," *Pemimpin Melayu*, 13 Julai, 1934.

. . . maka ajaran-ajaran ulama cara tua yang dikatakan daripada Islam itu selalu digunakan sebagai perisai menghalang akan dia.³¹

Sehubungan dengan itu juga, kritik-kritik tersebut mengatakan bahawa keadaan kemunduran beragama itulah yang kemudiannya mempengaruhi pola pembentukan sistem sosio-budaya Melayu yang berkembang di atas landasan yang menyimpang daripada nilai-nilai materialisme. Abdul Rahim Kajai dalam sebuah rencananya memperkatakan aspek ini dengan mendalam. Dalam hal ini, beliau mengaitkan sistem sosio-budaya Melayu yang kurang nilai materialisme itu menjadi penghalang kepada lahirnya apa yang disifatkannya sebagai "perasaan kepada bermula" di kalangan masyarakat Melayu. Menurut beliau lagi, semangat itu amat penting kepada sesuatu bangsa kerana ianya yang menentukan kemajuan atau kemundurannya;

. . . ketiadaan perasaan kepada bermula, itu tidaklah syak padanya itulah penyakit yang membawa kita kepada kemunduran umum sehingga tertinggal di belakang kaum luar sekali pun di dalam negeri sendiri.³²

Semangat dan perasaan kepada bermula seperti yang diungkitkan oleh Kajai itu amat penting bagi sesebuah masyarakat. Bangsa-bangsa yang kurang memiliki semangat dan perasaan itu biasanya tidak cenderung bersikap *acquisitive* dan inovatif. Oleh kerana itu, dikatakan bahawa tindak-tanduk dan pola perlakuan mereka dalam banyak segi berbeza dengan bangsa-bangsa yang telah maju. Sebuah rencana dalam hal ini menegaskan;

. . . tiap-tiap umat yang sudah berkemajuan dan sudah merasa atau mengetahui nikmat kemajuan itu pada segala cawangannya baik pun pada kekayaan, kemuliaan, kesenangan atau kepandaian nampaknya tidaklah umat itu memadai atau berpuashati dengan apa yang telah diperolehnya daripada nikmat-nikmat yang tersebut itu bahkan bersungguh-sungguh pula ia berusaha pada menambahkan mana yang sudah memang ada di dalam miliknya itu.³³

³¹ "Guna Kekayaan," *Al-Ikhwan*, 16 Jan., 1926.

³² Menurut Abdul Rahim Kajai, "perasaan kepada bermula" bukan hanya meliputi aspek jual-beli dalam perniagaan tetapi meliputi pelbagai aspek kehidupan yang mendorong manusia itu menjadi peneroka yang tidak putus-putus dalam usahanya untuk memperbaiki taraf dan pencapaian dalam kehidupan mereka. Rahim dalam hal ini menegaskan: "Sesungguhnya perniagaan itu bukanlah sekadar mengenai berjual-beli di pasar-pasar sahaja tetapi ialah suatu punca atau pangkal tiap-tiap kemajuan." Lihat rencana beliau, "Perasaan kepada bermula," *Saudara*, 29 Dis., 1928.

³³ "Tamat dan haloba yang bermakna," *Saudara*, 2 April, 1932.

Sikap di ataslah disifatkan oleh kritik-kritik tersebut sebagai teras kepada pergerakan bangsa-bangsa moden dan berkemajuan. Sikap tersebut pula pada pandangan mereka diperkuuhkan lagi melalui ilmu pengetahuan yang dimiliki dan dikuasai oleh bangsa-bangsa tersebut. Dari itu, banyak rencana menghujah bahawa pencapaian dan penguasaan orang-orang Melayu yang rendah dari segi ilmu pengetahuan menyebabkan mereka lemah dan gagal menguasai persekitarannya. Pandangan ini begitu jelas dilihat dalam sebuah rencana berjudul "Memperbaiki kehidupan orang Melayu," yang diterbitkan dalam *Warta Ahad*.³⁴ Jika kita teliti pendapat yang dikemukakan di dalam rencana itu nyata sekali bahawa apa yang hendak dikemukakan ialah ilmu pengetahuan adalah kunci kepada kekuatan sesuatu bangsa dan menjadi syarat yang penting kepada kemajuan. Ringkasnya, bangsa yang kurang berilmu pengetahuan memang susah hendak mengalami perubahan. Dari itu, sukar pula mereka handak memecahkan belenggu kemunduran.

Selain daripada itu soal nasionalisme juga dianggap penting dalam menggerakkan sesuatu bangsa. Persoalan yang timbul di sini ialah sejauh manakah wujudnya hubungan antara nasionalisme dengan kemajuan sesuatu bangsa itu. Pada penghujung tahun 1930-an perkara ini mula dibangkitkan dalam akhbar dan majalah Melayu. Beberapa rencana misalnya mengatakan masyarakat Melayu lemah dan berada dalam kemunduran kerana tidak ada "roh semangat kabangsaan". Roh itu lambat tumbuh kerana masyarakat Melayu kekurangan ilmu pengetahuan. Kedua-dua elemen itu penting bagi membolehkan sesuatu bangsa menyusun kekuatan dan bergerak untuk mencapai kejayaan.³⁵ Bagaimanapun oleh kerana kedua-dua elemen tersebut tidak begitu ketara kelihatan dalam masyarakat Melayu, ini menyebabkan tidak

³⁴ *Warta Ahad*, 5 Mei, 1935.

³⁵ Nasionalisme dan pembangunan ekonomi mempunyai hubungan yang rapat. Ini terbukti daripada sejarah pembangunan Eropah dan Jepun. Nasionalisme adalah motivator yang membolehkan timbulnya kesedaran ke arah pengukuhan sesuatu bangsa itu. Ia menjadi *unifying force* dalam menyegerakan dan menyatukan matlamat sesuatu bangsa. Hal ini banyak dibangkitkan oleh akhbar dan majalah Melayu. Lihat misalnya "Pergantungan bangsa kepada kemuliaan," *Al-Hikmah*, 30 Mei, 1940. Dalam rencana ini dinyatakan nasionalisme orang-orang Jepun telah membolehkan Jepun mencapai tahap pembangunan yang setanding dengan Barat. Lihat juga rencana-rencana berikut, "Bangsa British itulah sebaik-baik tauladan bersatu," *Al-Hikmah*, 8 Ogos, 1940 dan "Hak kemerdekaan diri daripada diri turun ke bangsa," *Warta Ahad*, 23 Dis., 1941.

wujudnya kesatuan dalam proses perubahan dan pembangunan mereka.³⁶

Keadaan seperti ini menyebabkan kehidupan dan kegiatan sosio-ekonomi masyarakat Melayu berada dalam keadaan yang tidak teratur dan terarah. Hakikat ini melemahkan masyarakat Melayu serta melambatkan proses penyebaran pembaharuan dan pemodenan di dalam masyarakat itu. Dua petikan berikut menjelaskan pandangan ini;

... boleh dikatakan bahawa kehidupan orang-orang Melayu terutama yang di dalam di Semenanjung ini belum lagi teratur dengan betul sebagaimana gaya atau jalan orang-orang Eropah, Jepun dan sebagainya berkenaan mencari kehidupan itu. Maka kehidupan orang-orang Melayu dari ini boleh diumpamakan seperti pokok-pokok yang hidup di dalam hutan... tidak beratur dengan betul bahkan silang pukang tidak tentu arah mana yang besar ke atas mana yang kecil ke bawah ditindih yang besar dan sebagai-bagai lagi... adapun kehidupan lain-lain bangsa (orang Jepun dan Eropah) seperti pokok-pokok yang ditanam di dalam kebun atau tanah (beratur, berbaris dengan molek dan cantiknya).³⁷

Rencana yang diterbitkan di dalam *Al-Hikmah* pula menyuarakan pandangan;

... kemunduran kita umat-umat Melayu bolehlah dikatakan kerana kebanyakan daripada kita tidak menunaikan apa-apa perkara yang menjadi suatu kewajipan ke atas dirinya.³⁸

Oleh kerana itu, pembabitan mereka menjadi lemah kerana kurangnya sokongan terhadap kegiatan tersebut.³⁹ Daripada huraian di atas, bolehlah dikatakan bahawa ketiadaan "roh semangat kebangsaan" berpunca daripada kurangnya pendedahan masyarakat Melayu kepada pendidikan moden dan kedua-duanya pula melemahkan kedudukan mereka dalam berbagai-bagai bidang.

Mengapakah peluang masyarakat Melayu menerima pendidikan moden dan menimba ilmu pengetahuan terbatas walaupun pihak kolonial telah memerintah Tanah Melayu sejak penghujung abad

³⁶"Pergantungan bangsa kepada kemuliaan," *Al-Hikmah*, 30 Mei, 1940.

³⁷"Memperbaiki kehidupan orang Melayu," *Warta Ahad*, 5 Mei, 1935.

³⁸"Kerajinan Membina Keselamatan," *Al-Hikmah*, 13 Feb., 1936.

³⁹Perbincangan mengenai aspek ini dapat dilihat dalam rencana-rencana berikut, "Anak negeri Melayu jelata sama seperti ayam yang kebuluran di atas sanggak padi," *Utusan Melayu*, 14 Feb., 1940; "Adakah kerosakan hidup orang-orang Melayu itu kerana kelelahan wakil dan pembesarnya," *Utusan Melayu*, 16 Feb., 1940; "Sebab kebelakangan kaum ku Melayu," *Pemimpin Melayu*, 13 Julai, 1934; "Tak mahu menghargakan bangsa sendiri

kesembilan lagi? Pendapat umum mengenai aspek ini mengatakan sistem pelajaran moden yang diperkenalkan oleh Inggeris tidak banyak membabitkan masyarakat Melayu. Peluang mereka menikmati pendidikan itu, terutamanya pendidikan di sekolah Inggeris terbatas kerana majoriti masyarakat Melayu berada di luar daripada pusat kemajuan, khususnya di bandar-bandar, sedangkan sebahagian besar sekolah berada di kawasan-kawasan tersebut. Ekoran daripada itu, "orang-orang Melayu telah jadi semakin ketinggalan daripada barisan kemaraan,"⁴⁰ atau dengan kata lain, daripada pembangunan ekonomi. Beberapa buah rencana mendakwa sebilangan besar orang Melayu hanya berpeluang memperolehi pendidikan di sekolah-sekolah Melayu. Sekolah-sekolah ini pula dikatakan tidak disediakan kemudahan dan alat pembelajaran yang cukup. Malahan mutu pelajarannya juga dikatakan lebih rendah daripada sekolah-sekolah Inggeris.⁴¹ Sebuah rencana berjudul, "Mengubah ehwal dan keadaan pelajaran di Malaya" misalnya mensifatkan pelajaran yang disediakan kepada orang Melayu sebagai;

...tidaklah lebih daripada menulis, membaca dan berkira-kira sahaja yang hanya atas kadar yang rendah dan ringan nipis sahaja dan guru-guru yang mengajarnya tidaklah lebih sangat pengetahuannya daripada itu hingga selalu dibidalkan oleh bangsa-bangsa lain apabila mereka itu bercakap sesama

satu tabiat yang mesti dilenyapkan dari nafsu orang Melayu," *Pemimpin Melayu*, 16 Mei, 1934; "Kita berkehendakkan pemimpin," *Pemimpin Melayu*, 4 Sept., 1933; "Umat Melayu minta perhatian pembesar-pembesar dan hartawan Melayu," *Majlis*, 1 Mac, 1934; "Perbincangan pengetahuan dan fikiran di atas kemajuan Jepun dan kecerdasannya," *Al-Hikmah*, 10 April, 1934; "Bagaimakah jalan menyegerakan sampai kepada maksud," *Al-Hikmah*, 10 Mei, 1934; "Darimanakah kekuatan itu timbul pada hari ini," *Al-Hikmah*, 20 Jun, 1934; "Kerana kebangsaan," *Warta Ahad*, 4 Ogos, 1940; "Umat Melayu dan perhatian yang patut dihadap," *Warta Ahad*, 24 Julai, 1940; "Kenapa bangsa Melayu dipandang rendah," *Warta Ahad*, 7 Sept., 1941; "Orang Melayu lemah," *Bumiputera*, 30 Nov., 1933. Lihat juga misalnya rencana "Seruan kita hidupkanlah perusahaan bangsa kita," *Majlis*, 1 Mac, 1934.

⁴⁰ "Mengubah Ahwal dan Keadaan Pelajaran di Malaya," *Al-Hikmah*, 5 Dis., 1935.

⁴¹ Lihat rencana-rencana berikut "Surat kiriman," *Utusan Melayu*, 6 Ogos, 1920; 7 Ogos, 1920; "Bahasa Melayu dan Inggeris," *Utusan Melayu*, 12 Ogos, 1920; "Bercakap atau bekerja," *Saudara*, 13 Dis., 1933; "Mengenai Melayu, Hak Melayu dan Tanah Melayu," *Saudara*, 22 Okt., 1932; "Sekolah Melayu dan Pelajarannya," *Saudara*, 3 April, 1937; "Pengetahuan tinggi bagi umat Melayu," *Saudara*, 4 Ogos, 1937; "Sekatan pelajaran anak-anak Melayu," *Saudara*, 24 Ogos, 1932; "Betulkah atau tidak," *Al-Ikhwan*, 16 Ogos., 1932; "Memandang arah ke sekolah Melayu," *Majlis*, 15 April, 1935.

sendirinya dari hal pelajaran Melayu "kucing" hanyalah memperanakkan kucing yang menjadi perkejaran serigala.⁴²

Pengabaian Inggeris terhadap pelajaran orang-orang Melayu menyebabkan pencapaian mereka dalam bidang tersebut amat terhad. Ini menyebabkan pelajaran, yang menjadi asas terpenting kepada kemajuan tidak dapat digunakan dengan meluas oleh orang-orang Melayu dalam usaha mengejar kemajuan.⁴³ Sebuah rencana berjudul, "Tangisan di atas kelemahan bangsa Melayu; keadaannya di Kelantan," menggariskan kegagalan pihak Inggeris membina lebih banyak sekolah di kawasan yang ramai orang Melayu sebagai punca kepada masalah itu. Walaupun Inggeris mengutip banyak hasil mahsul negeri, tetapi kerana Inggeris tidak bersungguh-sungguh mahu memajukan orang Melayu, mereka hanya membina sekolah di kawasan-kawasan tertentu sahaja. Rencana ini mendakwa, pada tahun 1920, hanya ada 20 buah sekolah sahaja di seluruh Kelantan, 16 buah daripadanya sekolah kerajaan, dengan kira-kira 500 orang pelajar. Empat buah lagi sekolah di bawah Majlis Agama Islam Kelantan dengan murid seramai 571 orang. Daripada 20 buah sekolah tersebut kira-kira 1,200 orang kanak-kanak mendapat "pelajaran permulaan" mereka. Ini merupakan satu jumlah yang sangat kecil. Menurut rencana ini, orang Melayu di Kelantan mengikut banci 1911 berjumlah kira 266,707 orang. Daripada jumlah tersebut ada kira-kira 136,125 orang perempuan. Daripada jumlah tersebut dianggarkan terdapat kira-kira 50 ribu orang kanak-kanak yang patut memasuki sekolah. Pada tahun 1921, jumlah kanak-kanak yang patut masuk sekolah rendah tentulah lebih ramai dari itu, dan ia dijangka ada sekitar 100 ribu orang. Ini tentunya tidak mencukupi bagi menampung jumlah tersebut dengan hanya 20 buah sekolah. Jadi ini menunjukkan bahawa terdapat masih ramai kanak-kanak di Kelantan yang tidak berpeluang masuk sekolah. Sekolah-sekolah Melayu dengan taraf pendidikannya yang rendah dan perhatian yang lebih diberi oleh pihak penjajah kepada sekolah Inggeris, menyebabkan sekolah-sekolah Melayu tidak ada nilai ekonomi, kerana seperti kata sebuah rencana, ia tidak sesuai dengan "muslimah kewangan bangsa dan negerinya."⁴⁴ Nyatalah daripada keadaan dan taraf pendidikan yang diterima oleh sebahagian

⁴² Mengubahkan ahwal dan keadaan pelajaran di Malaya,"*Al-Ikhwan*, 15 Dis., 1935.

⁴³ Sila lihat "Tangisan di atas kelemahan bangsa Melayu: keadaannya di Kelantan," *Pengasuh*, 18 Mei, 1920.

⁴⁴ "Bercakap atau bekerja," *Saudara*, 13 Dis., 1937.

besar orang Melayu, menyebabkan mereka tidak berupaya untuk menggerakkan orang Melayu memasuki alam kemajuan dengan berkesan.⁴⁵

Kelemahan-kelemahan mereka dalam aspek-aspek yang telah disentuh di atas menjadi semakin ketara apabila mereka berdepan dengan suasana ekonomi kolonial yang asing kepada kehidupan mereka sebelumnya. Kemasukan Inggeris ke Tanah Melayu membawa perubahan-perubahan baru dari segi pola kehidupan sosial, ekonomi dan politik yang baru dan ini turut mempengaruhi corak kehidupan orang Melayu. Misalnya, perubahan ke atas sistem dan aktiviti ekonomi membawa kepada munculnya kemahuan-kemahuan dan cara hidup yang baru, kaedah-kaedah perniagaan baru, dan sebagainya, yang banyak menyimpang dari tradisi kehidupan orang Melayu. Tatkala ekonomi Tanah Melayu berkembang dan membangun dengan pesat, ia membawa satu perubahan yang sangat pantas berbanding dengan perubahan yang berlaku di dalam masyarakat Melayu sendiri.⁴⁶ Sebuah rencana yang terbit pada tahun 1920 menghuraikan perubahan tersebut seperti berikut;

. . . segala perubahan yang ajaib-ajaib ialah mereka telah membukakan negeri kita dan menjadikan pekan-pekan dan jalan-jalan raya dan telah mengadakan beberapa jenis perkara yang ajaib-ajaib yang tidak bermimpi datuk nenek moyang kita melihatnya seperti telegraph, keretapi, dan sekelian jentera pesawat elektrik dan jambatan yang besar-besar dan sebagainya dan telah dibukakan beberapa sekolah Melayu dan Inggeris merata negeri kita ini hingga jadilah Tanah Melayu ini seolah-olah sebuah negara yang mempunyai tamadun . . . Maka terbukalah segala perbendaharaan kekayaan yang ada di watan kita yang tidak pernah diusahakan oleh umat kita. Demikianlah peri kemurahan jasa kaum Barat itu dan budinya yang telah dihamburkan ke atas negeri kita . . . Jasa kaum Barat yang telah ditaburkan di Semenanjung kita ini semata-mata mendatangkan kerugian yang amat besar adanya kepada kaum kita oleh kebodohan kita sendiri . . . kerugian yang dimaksudkan itu ialah kehilangan kita hampir-hampir kesemua sekali kekayaan yang ada di atas tanah air kita dirampas oleh kaum-kaum yang mendatang itu sehingga kepapaanlah kita dan hampir-hampir terikat segala kakitangan raja-raja Melayu kita pada hari ini bahkan periuk nasi segala raja-raja kita pun di dalam tangan dan jagaan kaum yang memerintah tu . . . lihat segala pe-

⁴⁵ Darimanakah kekuatan itu timbul pada hari itu," *Al-Himah*, 20 Jun, 1934.

⁴⁶ Mengenai perubahan ini sila lihat rencana-rencana berikut, "Keadaan negeri kita telah berubah demikian juga halnya kehidupan orang-orang kita," *Majlis*, 6 April, 1936; "Perubahan Zaman," *Warta Ahad*, 4 April, 1937; "Adakah orang Melayu telah bertamadun," *Warta Ahad*, 8 Jan., 1939; "Tamadun kita telah terpesong," *Warta Ahad*, 30 Jun, 1940; dan "Umat Melayu sakit teruk," *Warta Ahad*, 23 Dis., 1941.

kerjaan yang berfaedah semuanya dalam genggaman bangsa asing dan hilang lenyaplah segala dagang dan perusahaan anak-anak Melayu yang asli oleh kedatangan segala benda yang elok-elok dan tukang-tukang yang lebih pandai daripada negeri-negeri lain pada hal kepandaian anak Melayu di dalam segala jenis pertukangan itu dengan tangan belaka...⁴⁷

Pembangunan ekonomi kolonial yang berlaku dengan pesat banyak menimbulkan gangguan kepada ekonomi orang Melayu.⁴⁸ Dasar pembangunan ekonomi kolonial menyebabkan orang Melayu bertambah sukar untuk menyesuaikan diri mereka. Ini kerana orang Melayu masih lemah dalam bidang keusahawanan terutama dari segi modal. Tambahan pula kaedah-kaedah perniagaan baru yang dibawa masuk oleh Inggeris merupakan sesuatu yang asing bagi orang Melayu. Pemindahan golongan elit Melayu daripada kekuasaan ekonominya menyebabkan timbulnya kosongan di dalam kegiatan perekonomian yang selama ini dipergang oleh golongan tersebut. Dasar pintu terbuka Inggeris pula selain dari menggalakkan kemasukan pelabur dan modal asing, juga membawa ramai buruh-buruh asing mengisi kegiatan perekonomian yang semakin berkembang. Dasar ini kemudiannya menjadikan Tanah Melayu medan perlumbaan bagi orang asing dalam mengukuhkan kedudukan mereka. Walaupun penjajah Inggeris sedar bahawa melalui dasar tersebut kedudukan orang Melayu terancam, namun kerana kemajuan dan kepesatan pembangunan Tanah Melayu memerlukan modal dan usahawan luar negeri, maka mereka terpaksa mengadakan dasar-dasar ekonomi yang lebih liberal.⁴⁹ Kelemahan politik dan ekonomi orang-orang Melayu menyebabkan mereka tidak ada kuasa tawar menawar untuk mempengaruhi dasar ekonomi di Tanah Melayu. Mereka tidak dapat mempertahankan hak-hak mereka dengan lebih berkesan. Oleh kerana itu, kebanyakan akhbar dan majalah Melayu ketika itu melihat kemasukan orang asing yang semakin ber-

⁴⁷ "Bandingan dahulu dan sekarang," *Pengasuh*, 14 Sept., 1920.

⁴⁸ Banyak rencana-rencana membincangkan aspek ini. Lihat misalnya, "Kebolehan Melayu dalam serba-serbi," *Warta Ahad*, 7 Julai, 1941; "Termesti diingat oleh negeri yang baharu," *Al-Hikmah*, 10 Okt., 1934; Suara Bangsa Asing merebut hak Melayu," *Majlis*, 8 Jan., 1934; "Siapakah yang dikenakan kemakmuran," *Saudara*, 6 Nov., 1937; "Kehidupan bangsa Melayu sengaja dibiarkan," *Warta Ahad*, 12 Dis., 1937; "Kesakitan Umat Melayu dan keazapannya," 29 Ogos, 1940; "Perusahaan melombong dengan orang Melayu," 27 Okt., 1937; dan "Sungai-sungai yang melalui kampung Melayu," *Warta Ahad*, Okt., 1940.

⁴⁹ "Termestinya diingat oleh negeri yang baharu," *Al-Hikmah*, 10 Okt., 1934; "Hartawan daripada luar," *Al-Hikmah*, 20 Sept., 1930; "Iktisad dan kekayaan Tanah Melayu," *Warta Ahad*, 20 Julai, 1941.

tambah, menyebabkan persaingan untuk menguasai peluang perniagaan di Tanah Melayu menjadi semakin kemuncak. Perkembangan ini kemudiannya menyebabkan masyarakat Melayu semakin bertambah terdesak.⁵⁰

Berhadapan dengan keadaan ini seorang penulis cuba mencari sebab musabab terjadinya situasi ini. Dalam sebuah rencana berjudul. "Hartawan daripada luar," yang terbit di dalam *Al-Hikmah*, penulis menyatakan bahawa masyarakat Melayu terdesak dan semakin lemah,

... dikeranakan atau digendalakan oleh kekurangan hartawan-hartawan yang luas dan jauh pemandangan dan lemah daripada mendapat contoh tauladan dan bagi memenuhi kehendak-kehendak masa dan gerak-geri pada membuka dan memajukan negeri.⁵¹

Masyarakat Melayu pada keseluruhannya tidak mempunyai kelas menengah yang mampu bergiat secara aktif dalam persaingan itu, telah tidak berupaya menandingi "orang-orang yang datang itu daripada mereka yang tahu bagaimana jalan menggunakan modal itu dan telah biasa pula membuat kemajuan-kemajuan dalam negeri yang terdahulu maju dan jaya."⁵² Jelas bahawa walau-pun ekonomi Tanah Melayu berkembang dengan pesat, tetapi ia hanya menguntungkan orang asing. Sementara itu, orang Melayu kerana kelemahan mereka dan tidak berupaya bersaing, semakin terpinggir dan hilang haknya ke atas ekonomi tersebut. Petikan berikut menghuraikan keadaan tersebut;

... sesungguhnya dengan jalan modal daripada luar itu bolehlah menjadikan negeri segera terbuka dimaju tetapi pembukaan atau kemajuan yang demikian itu bererti bukanlah memberi sepenuh-penuh manfaat kepada anak negeri itu sendiri kerana susu-susu yang diperah daripadanya itu akan memenuhi kilang-kilang saudagar dan hanyalah santan atau sedikit air kanji itu sahaja yang akan terpilih ke atas lidah anak sapi.⁵³

Daripada petikan di atas digambarkan bahawa perkembangan yang berlaku di Tanah Melayu, kesan daripada dasar pembangunan ekonomi kolonial dan kemasukan orang asing secara besar-besaran, telah mewujudkan suasana pembangunan ekonomi yang tidak

⁵⁰ "Adakah Kaum Melayu ini," *Al-Ikhwan*, 16 Okt., 1930.

⁵¹ "Hartawan" daripada luar," *Al-Hikmah*, 20 Sept., 1934.

⁵² *Ibid.*

⁵³ "Hartawan daripada luar," *Al-Hikmah*, 20 Sept., 1934. Lihat juga "Banyak modal dari luar," *Al-Hikmah*, 5 Sept., 1940.

seimbang. Orang Melayu dikatakan menjadi orang tepi, tetapi "tertakluk di bawah kekuasaan modal luar," menjadi semakin terhimpit. Sebahagian besar sektor ekonomi terutama bidang perniagaan dikawal sepenuhnya oleh orang asing. Ini menjadikan orang Melayu sebagai bangsa pembeli yang terdedah kepada manipulasi peniaga-peniaga asing.⁵⁴ Sebuah rencana menggambarkan kedudukan orang Melayu seperti berikut;

...tidak ada orang-orang Melayu mempunyai lombong-lombong seperti timah, emas, dan perak atau besi benda-benda yang tersebut khazanah yang tersimpan dalam perut bumi tanah airnya. Tidak ada kilang-kilang beras, kilang nenas, kilang timah, kilang getah, kilang air batu, minyak dan lain-lain, iaitu di dalam tangan perusahaan orang-orang Melayu dan juga tidak ada perniagaan eksport-eksport yang besar-besaran seperti mendapatkan beras, gula, garam, tepung dan lain-lain yang beratus-ratus beribu-ribu guni tiap-tiap bulan itu di dalam perniagaan Melayu sungguhpun bermillion orang-orang Melayu menggunakan dan mesti membeli benda-benda tersebut pada tiap-tiap hari. Betapa pula perniagaan lain seperti kain baju, perkakas pecah-belah, besi dan perhiasan serta alat-alatan rumah tangga tidak sedikit jua pun tergenggam di dalam pengaruh perniagaan bangsa kita di dalam negara sendiri. Dimeskipun pekerjaan-perkerjaan di dalam bahagian teknik seperti pembinaan bangunan yang besar-besar ataupun yang kecil, pemberontong bagi pekerjaan membuat jalan-jalan, titi-titi, kapal dan tongkang, pekerjaan-pekerjaan di dalam laut, sungai-sungai, daratan dan lain-lain yang besar itu pada amnya tidak ada di tangan kekuasaan bangsa kita, bahkan tiada ada seorangpun arkitek atau engineer Melayu yang boleh menampilkan dirinya ke hadapan medan perlombaan hidup ini bagi perusahaan-perusahaan tersebut di seluruh negeri Melayu ini. Bahkan kesemuanya ini dan banyak perkara-perkara lain lagi ialah punca-punca yang terutamanya di dalam perusahaan dan perniagaan di negeri Melayu yang dengan sebabnya telah mengayakan bangsa-bangsa asing itu pada hal bangsa kita bertambah lama bertambah surut ke belakang dengan keadaan dan kediaman yang terlebih daif daripada masanya sehari ke sehari...⁵⁵

Penguasaan asing ke atas sebahagian besar ekonomi Tanah Melayu sukar hendak dipecahkan oleh orang-orang Melayu. Di samping dasar-dasar ekonomi kolonial yang tidak memihak kepada mereka, kelemahan-kelemahan dalaman orang-orang Melayu

⁵⁴ Lihat "Kemajuan Melayu," *Pengasuh*, 13/27 Feb., 1926. Gambaran yang lebih mendalam mengenai kedudukan ekonomi orang Melayu sila lihat rencana-rencana berikut, "Iktisad dan kekayaan Tanah Melayu," *Warta Ahad*, 20 Julai, 1941; "Di mana ada lagi hak Melayu," *Warta Ahad*, 8 Jan., 1939; "Getah berharga adakah Melayu akan senang?" *Pemimpin Melayu*, 29 Feb., 1934; "Perusanaan kecil orang Melayu," *Warta Ahad*, 22 Sept., 1935; "Iktisad dan kekayaan Tanah Melayu," *Warta Ahad*, 20 Julai, 1941; "Teriak sebenar," *Al-Ikhwan*, 16 Okt., 1926; "Lintasan fikiran pada hari raya," *Saudara*, 31 Okt., 1940 dan "Perusahaan melombong dan orang Melayu," *Saudara*, 27 Okt., 1937.

⁵⁵ "Pengetahuan tinggi bagi umat Melayu," *Saudara*, 4 Ogos, 1937.

sendiri menambahkan lagi kelemahan dan kemunduran mereka. Ini berkait rapat dengan aspek sosio-budaya dan politik orang Melayu dalam konteks yang dibincangkan di atas. Sehubungan dengan ini, ketiadaan semangat "perasaan kepada bermiaga" dan semangat "roh kebangsaan" menjadi punca yang melemahkan penyertaan orang Melayu dalam bidang ekonomi. Ini amat jelas apabila sebahagian besar daripada elit dan hartawan Melayu bersikap pasif terhadap bidang ekonomi. Sungguhpun mereka merupakan golongan yang mempunyai modal dan pendidikan, namun mereka masih tidak bersedia membabitkan diri dalam dunia perniagaan. Ini berkait rapat dengan sistem nilai orang Melayu. Pencapaian seseorang dalam pentadbiran kerajaan menjadi ukuran prestij yang penting dalam menentukan kedudukannya dalam masyarakat. Ini menyebabkan bidang perniagaan lebih bersifat inferior. Ia banyak memberi kesan kepada pembabitan orang Melayu dalam bidang ekonomi. Kecenderungan mereka, terutamanya yang mendapat pendidikan Barat adalah untuk menjadi "birokrat". Banyak rencana lain juga mengkritik kecenderungan yang disifatkan itu sebagai menyuburkan lagi budaya makan gaji di kalangan masyarakat Melayu dan ini melemahkan pertumbuhan semangat perasaan kepada bermiaga. Oleh kerana itu menurut rencana-rencana tersebut, bidang perniagaan hanya menjadi saluran keluar bagi mereka yang tidak berpeluang bekerja makan gaji. Oleh kerana kebanyakan daripada orang Melayu yang cuba bermiaga itu merupakan golongan yang lemah sama ada dari segi pendidikan maupun dari segi modal, maka penglibatan mereka itu hanya tertumpu di dalam peniagaan secara kecil-kecilan.⁵⁶

Menurut pandangan rencana-rencana berkenaan, oleh sebab sifat dan kedudukan para peniaga itu, maka kebanyakan dari mereka mengalami kesukaran untuk memperluas dan memperbesarkan perniagaan kerana tidak berupaya memecahkan monopoli perniagaan oleh orang asing. Monopoli itu dikatakan telah menyebabkan peniaga Melayu sentiasa berada di bawah dominasi dan manipulasi para peniaga tersebut. Ini membolehkan bangsa

⁵⁶ Perbincangan yang mendalam mengenai perniagaan Melayu ini boleh didapati dalam rencana-rencana berikut, "Orang Melayu dengan perniagaan," *Saudara*, "Bagi menungan ahli perusahaan," *Saudara*, 13 Mei, 1936, "Memperbaiki kehidupan orang Melayu," *Warta Ahad*, 5 Mei, 1935; "Apa sebab perniagaan Melayu tidak maju," *Saudara*, 26 Jun, 1936; "Kaum Melayu dengan Perniagaan," *Bumiputera*, 9 Nov., 1933; "Kesukaran Melayu dalam perniagaan," *Majlis*, 4 Feb., 1932; "Perusahaan-perusahaan kecil orang Melayu," *Warta Majlis*, 22 Sept., 1935; "Iktisad dan kekayaan tanah Melayu," *Warta Ahad*, 20 Julai, 1941; dan "Perusahaan dan Kemajuan," *Majalah Guru*, Jun, 1932.

"penjual" secara berterusan mengaut keuntungan dan menyedut sumber-sumber ekonomi masyarakat Melayu.⁵⁷ Menyedari hakikat inilah maka kita dapat perhatikan bagaimana akhbar dan majalah digunakan sebagai saluran untuk membebaskan masyarakat Melayu dari belenggu kemunduran dan seterusnya membawa mereka memasuki dunia kemajuan.

Petikan berikut pada umumnya menggambarkan kesedaran dan kepekaan para intelek Melayu terhadap nasib bangsanya dan betapa mereka berusaha untuk menggerakkan orang-orang Melayu supaya keluar dari belenggu kemunduran.

... jikalau kita tidak meniru tamadun atau kemajuan Barat sekarang ini kemajuan siapa lagikah yang patut kita tiru? Kemajuan Arabkah? Kemajuan datuk nenek kita dahulukah? Kemajuan Melayu yang ada sekarangkah? Tiap-tiap bangsa dalam dunia ini tidak boleh maju jika tidak meniru kemajuan bangsa-bangsa yang lebih maju daripadanya . . . Kita bertempek mengatakan kemajuan Barat yang ada sekarang itu berasal (atau ditauladani) daripada kemajuan Islam pada zaman purbakala . . . akan tetapi bagi pihak kita sekarang tidak berguna bermegah-megah dengan sebutan seperti itu lagi kerana kita telah hanyut dekat seribu tahun lamanya ke belakang daripada kemajuan yang tersebut itu.⁵⁸

Kesedaran dan usaha-usaha para intelek Melayu dalam membawa perubahan ke atas masyarakat Melayu mendapat kritikan yang agak mengelirukan daripada W.R. Roff. Dalam hal ini Roff misalnya mensifatkan idea-idea dan penulisan mengenai kelemahan orang Melayu dan saranan-saranan ke arah perubahan itu;

... menunjukkan satu kecelaruan yang sungguh-sungguh ada hubungan dengan sebab musabab sebenar penyakit tadi timbul dan ubat baginya. Sepanjang-pangjang perbincangan itu jelas ternyata adanya unsur-unsur putus asa dalam menghadapi tenaga yang lebih kuat azamnya yang menghalang dan masih selalu menghalang kebanyakannya usaha kerja orang Melayu . . . sebagaimana yang sudah kita saksikan dalam perkara-perkara yang akhir itupun (pembersihan dalam amalan dan tiori Islam) sedikit sekali kejayaan yang telah dicapai dalam tempoh dua puluh tahun lamanya diusahakan mencari satu formula yang dapat dijalankan, baik dari segi perencanaannya mahupun dari segi penyusunannya bagi memajukan orang-orang Melayu dalam dunia moden. Pencadang-pencadang jalan keluar yang lain dan lebih berat sebelah

⁵⁷ Lihat "Tanah Melayu kerana orang Melayu," *Lembaga*, 3 Sept., 1938 dan juga "Orang China "Yahudi" Tanah Melayu," *Majlis*, 25 Sept., 1938.

⁵⁸ "Kemajuan siapa yang patut ditiru," *Majalah Guru*, Dis., 1932. Rencana-rencana lain yang turut membawa persoalan yang sama dapat dilihat dalam, "Membaiki perjualan," *Al-Hikmah*, 10 Julai, 1934; "Suara Rakyat," *Majlis*, 25 Jan., 1934 dan "Dasar Baharu," *Majlis*, 9 Reb., 1940.

tambah tak berkebolehan lagi melahirkan dalam bentuk tindakan yang lebih berkesan.⁵⁹

Dua persoalan utama yang dihadapi oleh penulis-penulis ketika itu ialah bagaimakah cara hendak membawa pembaharuan dan pembangunan orang-orang Melayu, dan daripada manakah pra-syarat kepada pembaharuan atau kemajuan untuk menjadi penggerak dalam proses tersebut hendak diambil. Ini merupakan dua persaolan penting yang banyak menimbulkan percanggahan pendapat di kalangan intelek ketika itu. Sebahagian besar daripada percanggahan itu berkait dengan proses menyesuaikan nilai kemajuan Islam yang juga dilihat sebagai penggerak yang amat penting ke arah pembaharuan dan kemajuan tersebut. Kedua-duanya adalah bertentangan dengan nilai-nilai yang sedia ada, yang sudah established, dan bersekongkol dengan sistem kolonial, justeru

⁵⁹ Lihat Roff, *Nasionalisma Melayu*, h. 193. Sungguhpun jelas bahawa usaha-usaha ke arah kemajuan itu tidak berjaya membawa perubahan yang berkesan ke atas orang-orang Melayu, namun harus diingat bahawa usaha-usaha tersebut berlaku dalam lingkungan sistem sosial kolonial yang hanya menyediakan ruang yang amat terbatas ke atas pergerakan seluruh segment masyarakat Melayu. Pembaharuan ataupun modenisasi di bawah sistem kolonial tentunya tidak dapat berjalan dengan licin justeru kerana "gerakan" tersebut nyata sekali adalah bertentangan dengan kepentingan ekonomi dan politik kolonial. Perubahan ke atas masyarakat Melayu yang *subordinated* kepada sistem tersebut akan menjadikan stabiliti sistem itu dan ini tentunya boleh merubah hubungan antara kolonialis dengan masyarakat Melayu. Cyril E. Black dalam hal ini menjelaskan, ". . . the more advanced countries were generally not eager to see a thorough going modernization that would inevitably lead to the independence of the colonies and the loss of such colonies and the loss of such benefits as were gained from the unequal relationship. Moreover, thorough going modernization is a revolutionary process, and the advanced countries had neither the personal nor the material means to undertake such a revolution in the colonies. Thus the pace of modernization has generally been restrained in the colonies, and they have frequently been impelled to seek independence while still in a relatively early stage of modernization." Lihat, "Changes as a Condition of Modern Life," dalam Myron Weiner, ed., *Modernization: The Dynamics of Growth*, Basic Books, inc., New York, 1966, hlm. 21. Sehubungan dengan itu, proses perubahan dan pembaharuan (modenisasi) yang berlaku dalam masyarakat Melayu dalam tempoh sebelum merdeka perlu dilihat dalam situasi tersebut. Ia amat berbeza dengan proses modernisasi dalam situasi sebuah masyarakat yang bebas dari sistem kolonial. Dalam situasi ini masyarakat tersebut mempunyai darjah kebebasan yang lebih tinggi dalam menentukan arah pergerakannya sendiri. Lihat juga perbincangan oleh Zawawi Ibrahim, "Perspective on Capitalist Penetration and the Reconstitution of the Malay Pesantry," *Jurnal Ekonomi Malaysia*, no. 5, Jun 1982, hlm. 69-77; Juga lihat Gunnar Myrdal, "Underdevelopment and the Evolutionary Imperative," *Third World Quarterly*, vol. 1, no. 2, 1979, hlm. 25-40.

kerana persekongkolan itu menyebabkan kestabilan sistem tersebut tetap terpelihara. Hubungan ini dilihat sebagai mengukuhkan benteng yang menghalang pergerakan masyarakat Melayu. Rencana "Kaum Melayu ini di dalam tuntutan kemajuannya terbahagi kepada tiga bahagian," yang diterbitkan di dalam akhbar *Saudara* mengatakan bahawa dalam masyarakat Melayu wujud tiga fahaman mengenai kemajuan orang Melayu. Fahaman pertama ialah diwakili oleh golongan berfahaman Barat. Puak ini mahu supaya masyarakat Melayu mengambil dinamika-dinamika Barat sebagai asas mewujudkan perubahan dan memajukan orang Melayu. Mereka melihat hanya dengan cara penerapan nilai-nilai Barat sahaja masyarakat Melayu akan dapat melepaskan diri dari belenggu kemunduran. Puak kedua pula ialah golongan yang menganggap bahawa kemajuan masyarakat Melayu hendaklah berdasarkan kepada nilai-nilai yang tidak bertentangan dengan Islam. Mereka melihat Islam sebagai agama yang lengkap dan yang mempunyai nilai-nilai yang boleh menggerakkan masyarakat Melayu kepada kemajuan. Bagi mereka, untuk membolehkan masyarakat Melayu menerima nilai-nilai atau dinamika-dinamika kemajuan Islam, masyarakat Melayu perlu membersihkan amalan-amalan agama yang menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenarnya, seperti yang diamalkan dalam masyarakat ketika itu. Manakala puak ketiga pula ialah puak konservatif yang tidak suka kepada apa-apa jua yang berkenaan dunia sama sekali. Ini merujuk kepada golongan *establishment* yang amat berpengaruh ke atas masyarakat Melayu. Sikap beku dan tidak *responsive* golongan ini kepada perubahan dianggap menjadi punca kepada timbulnya anggapan bahawa agama adalah punca kepada kelemahan dan kemunduran orang Melayu.⁶⁰ Sungguhpun wujud pertentangan dalam kaedah menuju kemajuan namun terdapat *consensus* dalam kedua-dua fahaman itu mengenai halangan-halangan kepada kemajuan yang sudah *institutionalised* dalam sistem hidup masyarakat Melayu. Inilah yang perlu dirombak dan digantikan dengan komponen-komponen baru yang lebih kukuh dan dinamis.⁶¹

⁶⁰ Lihat "Kaum Melayu tak jadi muafakat," *Majalah Guru*, 1 April, 1925.

⁶¹ Lihat rencana-rencana seperti "Mengharapkan pagar, pagar makan padi," *Warta Ahad*, 16 Feb. 1941; "Kemajuan atau kemunduran," *Al-Hikmah*, 2 Jun, 1936; "Kelohan bangsa Melayu," 27 April, 1920; "Surat kiriman," *Utusan Melayu*, 6 Ogos, 1920; "Adakah kerosakan hidup orang-orang Melayu itu kerana kelemahan wakil dan pembesar-pembesarnya," *Bumiputera*, 24 Jan., 1940 dan "Teriak Sebenar," *Al-Ikhwan*, 16 Okt., 1926.

Perkembangan ini secara langsung melibatkan proses perombakan semula keseluruhan sistem hidup (yang merangkumi aspek-aspek dan pola perlakuan sosial, ekonomi, politik, ideologi dan psikologi) masyarakat Melayu. Pergerakan masyarakat akan menjadi lebih aktif dan bertenaga apabila dinamika-dinamika kemajuan sama ada dari Barat maupun daripada Islam berjaya diterapkan ke dalam masyarakat Melayu. Sungguhpun pandangan ini mengjurkan supaya sistem hidup masyarakat Melayu dirombak sepenuhnya, akan tetapi ia masih lagi dikemukakan dalam kerangka sistem itu.⁶² Di samping itu pula, kerajaan Inggeris didesak supaya melakukan beberapa perubahan ke atas dasar sosio-ekonominya di Tanah Melayu bagi membolehkan masyarakat Melayu mensuaikan diri dan membuat persediaan untuk memainkan peranan dengan lebih berkesan dalam sistem tersebut. Tanpa melakukan perubahan tersebut, maka tentu sekali orang Melayu akan menghadapi kesukaran untuk memperbaiki kedudukan mereka, kerana nyata sekali mereka amat lemah dari segi sosio-ekonomi dan politik. Dengan kedudukan seperti itu orang Melayu tidak mempunyai keupayaan untuk bersaing dengan bangsa asing yang lebih bertenaga. Tambahan pula, kemaraan bangsa asing, terutamanya peniaga-peniaga Cina ke kawasan petempatan orang Melayu menyebabkan ekonomi luar bandar dikuasai secara beransur-ansur oleh mereka. Meneliti rencana-rencana yang terbit waktu ini, ternyata kebanyakannya darinya menganggap kegiatan-kegiatan orang asing dalam ekonomi luar bandar menyebabkan kedudukan ekonomi orang Melayu semakin terhimpit.⁶³ Sebuah rencana di dalam akhbar *Saudara* menggambarkan keadaan ini seperti berikut;

... demikianlah papanya bangsa kita itu sehingga nyawa kita itu seolah-olah tergantung kepada bangsa dagang yang menumpang di atas tanahair kita. Merekalah yang memberi makan pada kita, yang memberi pakai pada kita dan mereka jualah yang membuatkan segala rumah tangga kita dan mengadakan segala benda untuk hidup di atas muka bumi ini sehingga kain kapan dan papan keranda untuk mati kita pun tidak upaya sama sekali di sisi bangsa kita.⁶⁴

⁶² "Apakah kemiskinan Melayu," *Pemimpin Melayu*, 18 Julai, 1933; 25 Julai, 1933; 1 Ogos, 1933; "Kemiskinan Melayu II," *Al-Ikhwan*, 16 April, 1927; "Pertukangan dan Perniagaan Melayu: Bagaimana dan siapakah dapat memulihkan dia," *Pengasuh*, 30 Mac, 1934; 3 April, 1930; "Polisi merintah tidak salah dan berat sebelah," *Bumiputera*, 9 Dis., 1935.

⁶³ Terdapat banyak rencana mengenai perkara ini. Lihat antaranya, "Suara bangsa-bangsa Asing merebut hak Melayu," *Majlis*, 8 Jan., 1934; "Menyekat kedatangan orang-orang yang akan menyempit," *Warta Ahad*, 22 Dis., 1935; "mata Pencarian," *Warta Ahad*, 9 Dis., 1933; dan "Siapakah yang dikenakan kemakmuran," *Saudara*, 6 Nov., 1937.

⁶⁴ "Lintasan fikiran pada hari raya," *Saudara*, 31 Okt., 1940.

Kedudukan yang *subordinated* kepada bangsa asing dari segi ekonomi mengancam masa depan orang Melayu. Jika sekiranya orang Melayu masih belum sedar kelemahan mereka itu, masa depan mereka akan menjadi bertambah gelap. Orang Melayu perlu menilai semula tindakbalas mereka terhadap konsep kemajuan. Mereka perlulah menyoal adakah sikap mereka terhadap kemajuan yang dibawa oleh penjajahan itu selama ini melemah atau memperkuatkan kedudukan mereka? Adakah kesempitan hidup yang dihadapi oleh mereka itu berpunca daripada kelemahan-kelemahan tindakbalas tersebut?

Nyata sekali bahawa orang Melayu tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada pihak kolonial untuk membela nasib mereka. Mereka perlu sedar bahawa pemodenan dan kemajuan Barat yang berkembang waktu itu adalah bertunjang kepada falsafah "kanun berlumba-lumba atau berebut-rebut dalam muslihat kehidupan," yang sentiasa membuka peluang kepada mereka yang kuat menguasai yang lemah dan membolot setiap peluang yang terbuka dalam perlumbaan itu.⁶⁵ Melalui falsafah ini orang Melayu se-wajarnya berhati-hati bahawa sikap bergantung dan tumpul hati hanya akan menambahkan kesempitan hidup mereka. Dalam dunia seperti ini mereka terpaksa membina kekuatan dan sikap berdikari. Hanya dengan menjadi masyarakat yang kuat dan berdikari, mereka boleh memperbaiki taraf kehidupan mereka ke tahap yang lebih baik. Melalui kekuatan dan sikap tersebut barulah mereka dapat memecahkan dominasi kaum-kaum lain ke atas kehidupan mereka. Ini amat penting dan menjadi pra-syarat yang utama untuk memasuki dunia kemajuan. Pandangan ini dilihat dengan jelas dalam rencana berjudul "Berpegang di atas diri sendiri," yang menyatakan;

...bahawa suatu bangsa itu tidak boleh bangkit melainkan dengan kekuatan tenaganya sendiri dan tidak boleh menarikkan kembali istiklalnya melainkan dengan persungguhannya sendiri.⁶⁶

Dalam konteks ini, tidak syak lagi, kekuatan sesebuah masyarakat memainkan peranan dalam menentukan kejayaannya memasuki dunia kemajuan. Masyarakat yang kuat adalah masyarakat yang

⁶⁵ Ia merujuk kepada falsafah Darwin, *survival of the fittest*, yang menunjangi kehidupan masyarakat moden dan tamadun Barat. Lihat rencana "Adakah Melayu . . .," *Al-Ikhwan*, 16 Okt., 1930.

⁶⁶ "Berpegang di atas diri sendiri," *Al-Hikmah*, 14 April, 1940; lihat juga rencana-rencana mengenai perkara yang sama, "Berpegang pada diri sendiri," *Pengasuh*, 16 Mei, 1923; dan "Bergantung pada daya upaya sendiri itu rahsia kemenangan dan kemajuan," *Saudara*, 16 April, 1932.

"mempunyai pengetahuan yang wajib dari hal apa hendak buat, bagaimana apa sebab dibuatnya akan dia di dalam kesibukan pekerjaan manusia yang beribu-ribu jenis ada disekelilingnya.⁶⁷ Dengan kekuatan ini, masyarakat itu berkeupayaan menghadapi berbagai cabaran semasa serta "berlumba-lumba atau berebut-rebut dalam muslihat kehidupan." Ini terbukti daripada kejayaan orang Jepun dalam memajukan negara mereka. Kejayaan tersebut adalah hasil daripada kesediaan menyusun semula sistem hidup untuk menyesuaikan dengan perubahan-perubahan yang berlaku di sekeliling mereka. Kejayaan ini bermakna kemajuan Barat boleh dicapai oleh orang Timur, termasuk juga orang Melayu.⁶⁸

Dalam membina kekuatan dan mencapai kemajuan, sesebuah masyarakat itu perlu bersikap *responsive* terhadap perubahan. Ini terutama sekali kepada "perkakas-perkakas tamadun Barat."⁶⁹ Sesebuah masyarakat itu harus bersedia memberikan sepenuh tenaganya untuk menguasai "perkakas-perkakas" tersebut. Ini amat penting kerana dengan perkakas itulah masyarakat tersebut akan dapat bergerak dengan lebih teratur dan efektif. Salah satu daripada punca kelambatan orang Melayu mencapai kemajuan ialah kerana kelemahan mereka dalam menguasai perkakas tamadun tersebut. Ini menyebabkan kejahilan dari hal 'bagaimana' dan 'mengapa' yang bersangkut dengan berbagai-bagi cawangan pekerjaan dan perusahaan itu telah melekat kepada mereka itu "jadi sebahagian daripada tabiat perangainya."⁷⁰ Taraf pendidikan

⁶⁷ "Kemiskinan Melayu II," *Al-Ikhwan*, 16 April, 1927.

⁶⁸ "Perbincangan pengetahuan dan fikiran di atas kemajuan Jepun dan kecerdasannya," *Al-Hikmah*, 10 April, 1934; "Jalan bagi mengenal negeri itu maju atau tidaknya," *Al-Hikmah*, 1 April, 1934; "Bagaimanakah jalan bagi menyegerakan sampai kepada maksud," *Al-Hikmah*, 10 Mei, 1934; "Bersatu itu maju," *Warta Ahad*, 12 Feb., 1939.

⁶⁹ "Perkakas tamadun atau kemajuan, merujuk kepada berbagai aspek yang menyumbang kepada peningkatan pencapaian dan kedudukan sesuatu bangsa dalam bidang perniagaan, industri, pelajaran, sosial, politik, dan ekonomi dan sebagainya. Ringkasnya perkakas tamadun itu ialah elemen-elemen yang boleh "menerbitkan kecekapan dan kelayakan diri seseorang dan kekuatan pertubuhan dan mengangkat diri mereka yang bertamadun itu dari lembah kehinaan ke mercu ketinggian dan kemuliaan dengan jualah membolehkan mereka yang bertamadun itu memperbuat berbagai perkara yang besar-besar dan menyampaikan segala maksud dan cita-cita mereka yang baik dan tinggi hingga dipandang oleh segala mata dan dipuji oleh segala lidah." Lihat "Adakah orang Melayu telah bertamadun," *Warta Ahad*, 8 Jan., 1939; dan juga "Kemajuan siapa yang patut ditiru," *Majalah Guru*, Disember, 1932.

⁷⁰ "Kemiskinan Melayu II," *Al-Ikhwan*, 16 April, 1927. Lihat juga rencana "Semangat Bekerja," *Majalah Guru*, Januari, 1940; "Apakah hendak diperbuat," *Al-Hikmah*, 7 Nov., 1935 dan "Kita miskin, kita berkehendak-kaya," *Al-Hikmah*, 18 Julai, 1940.

mereka yang rendah menyebabkan timbulnya kekeliruan terhadap konsep kemodenan. Sebagai sebuah masyarakat yang belum matang, kecenderungan terhadap kemodenan Barat membawa banyak kelemahan. Ini terjelma melalui sikap mereka sebagaimana disifatkan oleh sebuah rencana sebagai "berkehendakkan buah sebelum bertanam . . . berkehendakkan sampai sebelum melangkah . . . dan berkehendakkan pandai sebelum belajar."⁷¹ Jika sikap tersebut tidak dihapuskan, orang Melayu tidak akan menemui "suatu jalan yang dilalui oleh manusia yang bertamadun dengan keadaan sempurna pada mencari kesenangan dan kemewahan di dunia dan kesejahteraan di akhirat." Justeru sikap tersebut juga mereka "tidak lekas mengambil peluang tauladan-tauladan yang menjadikan diri kita dan kehidupan bangsa kita kepada keselamatan."⁷² Sebuah rencana mengenai hal ini menggambarkan kekeliruan itu seperti dalam petikan ini;

... dari sebab itu tiadalah dapat kita berjalan dengan betul di landasan tamadun yang berbahagia itu . . . tamadun yang di sisi kita atau yang dimegah-megahkan itu hanya kulit atau selaput tamadun manakala isinya yang dikehendaki itu masih jauh benar daripada kita . . . Tamadun kita hari ini ialah berlumba-lumba pada pakaian, perhiasan, permainan, kesukaan, tamadun pada membuang wang berbelanja besar dan berpingatkan bangkrapsi, tamadun pada bermegah-megah dan beratas sesama sendiri. tamadun pada perkara yang merosakkan hukum Islam, merosakkan perangai dan membawa keruntuhan pertubuhan kebangsaan dan lain-lain.⁷³

⁷¹ "Dunia perniagaan; bilakah anak Melayu kita akan memulakannya," *Saudara*, 22 Okt., 1928. Tindakbalas yang ditunjukkan oleh orang-orang Melayu terhadap kemajuan mengikut istilah Kenneth E. Boulding ialah bersifat *grudging acceptance*. Iaitu satu bentuk tindakbalas yang tidak berhati-hati, tidak kritikal, dan mengambil kira adakah elemen-elemen yang diterima itu sesuai ataupun tidak dengan keadaan masyarakat. Sifat tindakbalas seperti ini menjadi negatif, "for it usually involve wanting the fruits of development without being prepared to incur the cost." Setiap masyarakat yang masih dalam proses awal pemodenan, ia perlu mengamalkan sifat *a cautious and critical acceptance*. Dengan sifat ini masyarakat tersebut berpeluang menilai dan menyesuaikan mana-mana elemen yang berguna dalam mengukuhkan kekuatan mereka dan seterusnya memberi kemampuan yang lebih besar untuk meneruskan pergerakan mereka. Lihat perbincangan mengenai hal ini dalam buku beliau, *The Meaning of the Twentieth Century*, Harper & Row, New York, 1965, iii.

⁷² Fenomena ini mendapat perhatian besar dalam akhbar dan majalah Melayu. Sebahagian besar rencana mengkritik sikap dan tindakbalas masyarakat Melayu itu. Lihat misalnya, "Jangan terburu kemodenan Barat," *Warta Ahad*, 8 Jan., 1939; "Anak Melayu dengan tiruan dan tujuannya," *Majalah Guru*, Mac, 1932; "Kemajuan atau kemunduran," *Al-Hikmah*, 2 Jun., 1936; "Kemajuan perempuan Melayu," *Syurga Dunia*, 1 Jun, 1936 dan "Pengaruh moden: Bangkrapsi dijadikan kemegahan," *Warta Ahad*, 1 Jan., 1939.

⁷³ "Adakah orang Melayu telah bertamadun," *Warta Ahad*, 8 Jan., 1939.

Kecenderungan ini menyebabkan sistem hidup masyarakat Melayu bertambah tidak tersusun dan *dysfunctional*. Dari kecenderungan itu kelihatan seolah-olah Melayu sedang bergerak untuk memenuhi kemahuan hidup dan bukannya menerima kemajuan. Petikan berikut menjelaskan;

... kemajuan yang dimimpikan oleh umah Melayu ini saya sifatkan bukan kemajuan

ialah berasaskan kepada kebolehan atau kejayaan seseorang atau sesuatu bangsa pada perkara yang mendatangkan faedah am bagi tanah-air, bangsa dan bahasanya.⁷⁴

Menyedari akan hakikat inilah idea-idea mengenai kemajuan lebih banyak menumpukan perhatian kepada soal pendidikan. Melalui pendidikan, orang Melayu akan dapat memahami dan menguasai "perkakas-perkakas tamadun atau kemajuan Barat" dengan lebih mendalam. Dengan itu mereka lebih berkeupayaan untuk "mencari kemajuan dengan tenaga."⁷⁵ Ini adalah tunjang kepada kekuatan bangsa-bangsa yang telah maju. Oleh kerana itu, idea-idea tersebut menekankan tentang perlunya rombakan semula di buat ke atas sistem pendidikan orang Melayu, sama ada dasar-dasar pelajaran kolonial mahupun dalam pendidikan tradisional Melayu. Kedua-dua sistem pendidikan itu perlu dioreintasikan ke arah pemupukan keusahawanan bercorak saintifik dan teknologikal dan pengukuhan "semangat perasaan kepada bermiaga" di kalangan orang Melayu. Melalui oreintasi ini sahaja, diharapkan persepsi orang Melayu terhadap fungsi pendidikan akan berubah.⁷⁶

⁷⁴"Kemajuan atau kemahuan," *Al-Hikmah*, 2 Jun, 1936. Lihat juga rencana mengenai perkara yang sama, "Bolehkah maju dengan ikutan atau tiruan," *Warta Ahad*, 14 Sept., 1941.

⁷⁵"Perusahaan dan kemajuan," *Majalah Guru*, Jun, 1932.

⁷⁶Lihat rencana-rencana mengenai perkara ini dalam "Anak Melayu dengan tiruan dan tujuannya," *Majalah Guru*, Mac, 1932; "Sekolah Melayu dengan pertukangan," *Majalah Guru*, November, 1932. "Kemajuan Melayu," *Pengasuh*, 13–27 Feb., 1926; "Bangsa Melayu di gelanggang hidup," *Warta Ahad*, 31 Ogos, 1940; "Punca Kemajuan," *Warta Ahad*, 16 Mac, 1941; "Mengubah ehwal dan keadaan pelajaran di Malaya," *Al-Hikmah*, 5 Dis., 1935; "Memilih pekerjaan dan pangkal kepijikan hidup," *Pemimpin Melayu*, 5 Dis., 1933; "Marilah beramai-ramai kita ke Barat," *Syurga Dunia*, 1 Ogos, 1936. "Malaya beruniversiti," *Majlis*, 17 Julai, 1939; "Pertukangan dan perniagaan Melayu: Bagaimanakah dan siapakah dapat memulihkan dia," *Pengasuh*, 30 Mac, 1930; 3 April, 1930; "Fikirkan berkenaan Universiti di Malaya," *Al-Hikmah*, 11 Feb., 1937; "Ekonomi," *Saudara*, 16 Nov., 1937 dan "Latihan bermiaga wajib diajar di sekolah Melayu" *Pengasuh*, 27 Feb., 1933.

... barang siapa yang mengikut akan jalan itu dengan sempurna dan menggunakan ia dengan betul dapatlah ia mencapai kesenangan dan kesejahteraan dialah yang dikatakan orang yang bertamadun manakala mereka-mereka yang berlawanan dengan yang tersebut hanya dalam cita-cita dan angan-angan kosong ataupun mengaku akan barang yang bukan bahagiannya.⁷⁷

Selain daripada menjadi asas bagi orang Melayu menguasai perkakas-perkakas tamadun Barat, pelajaran juga berfungsi sebagai tapak bagi orang-orang Melayu memperkuuhkan susunan sosio-ekonomi politik, ideologi dan psikologi mereka. Sementara itu kelemahan orang Melayu juga berpunca daripada kelemahan golongan elitnya. Sungguhpun mereka adalah golongan yang berpendidikan dan bermodal, namun, kerana sikap konservatif mereka terhadap kemajuan menyebabkan mereka gagal memainkan peranan sebagai penggerak kepada orang-orang Melayu. Malahan, dalam banyak perkara, mereka menjadi golongan yang terpisah daripada masyarakatnya. Ketiadaan pimpinan dari atas yang mampu memberikan panduan kepada masyarakat, menyebabkan kemampuan orang Melayu menjadi lemah. Ini pula menyebabkan kuasa politik Melayu juga lemah. Kelemahan ini memberi kesan pada pencapaian ekonomi. Kedua-dua aspek ini tidak boleh dipisahkan dalam proses kemajuan itu, terutamanya dalam situasi penjajahan di Tanah Melayu.⁷⁸ Oleh itu difikirkan bahawa,

...kemunduran kita umat-umat Melayu bolehlah dikatakan kerana kebanyakannya daripada kita tidak menunaikan apa-apa perkara yang menjadi suatu kewajipan ke atas dirinya ... wahai orang yang berkuasa atau orang-orang kaya daripada kaum bangsa ku Melayu! Segerakanlah tunaikan kewajipan-kewajipan kamu pada menolong anak-anak bangsa kamu sedang berhajat akan pertolongan daripada kamu semua dan janganlah menaruhken harta-harta kamu itu untuk diri kamu sahaja bahkan biarlah melimpah pertolongan dari-

⁷⁷ *Ibid.*

⁷⁸ Lihat rencana-rencana seperti, "Kenapa bangsa Melayu dipandang rendah," *Warta Ahad*, 7 Sept., 1941; "Mengharapkan pagar, pagar makan padi," *Warta Ahad*, 16 Feb., 1941; "Nasib Melayu dan negerinya," *Sahabat*, 24 Jun, 1940; "Ekor itu memang mengikut kepala," *Al-Hikmah*, 2 Jun, 9136; "Kewajipan Raja-raja, orang-orang besar dan persekutuan Melayu kita," *Al-Hikmah*, 18 April, 1940; "Kita berkehendakkan pemimpin," *Pemimpin Melayu*, 13 Julai, 1934; "Melayu Gaduhkan kelayakan: kalau hendak seribu daya kalau tak mahu seribu dalih," *Saudara*, 17 Jan., 1940; "Anak negeri Melayu jelata sama seperti ayam yang kebuluran di atas sanggak padi," *Sahabat*, 14 Feb., 1940; "Adakah kerosakan hidup orang-orang Melayu itu kerana kelemahan wakil-wakil dan pembesarnya," *Sahabat*, 16 Feb., 1940; "Teriak sebenar," *Al-Ikhwan*, 16 Okt., 1926; "Hartawan-hartawan Melayu dengan semangat kebangsaannya," *Warta Ahad*, 23 Dis., 1941; "Ekonomi," *Saudara*, 16 Nov., 1937; *Warta Malaya*, juga banyak menyiaran rencana.

pada harta-harta kamu itu kepada anak-anak bangsa kamu yang miskin yang mana perkara itu memberi faedah bagi kamu juga akhirnya...⁷⁹

Pendidikan dalam konteks ini dilihat sebagai kuasa yang boleh menggerakkan kesedaran politik orang Melayu. Dalam proses tersebut matlamat pendidikan perlu diarahkan kepada membentuk "cita-cita tinggi, kebebasan kepandaian, berdikari, dan merdeka diri."⁸⁰ Kekuatan politik dan matlamat politik bangsa-bangsa maju adalah berasaskan kepada unsur-unsur tersebut. Dengan unsur-unsur itu, satu bentuk kepimpinan yang mempunyai matlamat dan ideologi yang jelas dalam masyarakat Melayu akan muncul. Pemimpin yang mempunyai *vision* dan motivasi yang tinggi amat penting dalam masyarakat Melayu. Melalui para pemimpin seperti itu perubahan ideologi dan psikologi masyarakat Melayu dapat diubah dan dibentuk sesuai dengan kehendak-kehendak dunia moden.⁸¹

Penekanan kepada perubahan melalui pendidikan dalam idea-idea yang dikemukakan itu, adalah kerana ia terbit dalam situasi ekonomi kolonial yang telah hampir menutup peluang bagi orang Melayu menembusinya. Oleh itu, dalam idea-idea tersebut, ia lebih menitikberatkan kepada membentul dan menyusun pola-pola perlakuan sosio-ekonomi Melayu supaya sesuai dengan kehendak-kehendak ekonomi pasaran. Sehubungan dengan itu, orang Melayu digesa supaya belajar hidup berjimat-jimat, menabung, melabur, dan bergiat dalam perniagaan. Sementara itu, pihak kolonial pula digesa supaya merobah beberapa dasar ekonominya yang menyebabkan meningkatnya pembabitan dan penguasaan orang asing ke atas ekonomi Tanah Melayu, sebagaimana yang dikatakan di bawah;

... jika mustahaklah kita dengan pertolongan modal dari luar itu kerana hajat yang besar itu berkehendakkan hasil yang banyak, maka janganlah kita biarkan kedatangan modal dari luar itu masuk ke dalam dengan tiada menghinggakan qadarnya dan tidak mengganggu daripada menyerang modal

⁷⁹"Tunaikan kewajipan kita," *Al-Hikmah*, 27 Feb., 1936.

⁸⁰"Pengertian kehambaan dan kemerdekaan," *Pengasuh*, 1 Julai, 1920; "Semangat bekerja," *Majalah Guru*, Januari, 1940; "Hak kemerdekaan diri daripada diri turun ke bangsa," *Warta Ahad*, 23 Dis., 1941; "Marilah beramai-ramai kita ke Barat," *Syurga Dunia*, 1 Jun, 1936; "Rahsia yang sulit bagi kemajuan bangsa," *Al-Ikhwan*, 16 Dis., 1929; "Perasaan tumpul hati di dalam bangsa Melayu," *Saudara*, 29 April, 1936.

⁸¹"Kehidupan bangsa Melayu sengaja dibiarkan," *Warta Ahad*, 12 Dis., 1937 dan "Bagaimana Melayu nak maju," *Warta Ahad*, 2 Mei, 1937.

kita supaya pemerintah kita tiada jatuh ke dalam bahaya dan anak-anak bangsa kalah dengan terus menerus...⁸²

Dasar-dasar terhadap kemasukan modal asing hendaklah mengambil kira beberapa perkara yang boleh membabitkan semua orang Melayu dalam kegiatan ekonomi tersebut;

. . jumlah atau kadar tertentu sahaja dengan pekerja-pekerja terdiri daripada anak-anak negeri, menggunakan modal luar mustahaklah mengandungi modal dari dalam bersama-sama supaya susunya tidak semata-mata tercurah keluar sahaja, benda-benda yang dari dalam yang tidak boleh dialih, maka tertegahlah daripada dimiliki oleh orang-orang asing . . Semuanya supaya lapanglah langkahan kita jangan terhimpit, semangat kita jangan menjadi lemah dan keuntungan di dalam tiada menjadi pupus dan kaedah kemajuan kita mendapat perlatihan daripada contoh tauladan dari luar itu.⁸³

Perubahan-perubahan ke atas dasar ekonomi itu memerlukan campur tangan kerajaan yang lebih besar dalam ekonomi. Tanpa campur tangan kerajaan struktur dan pola ekonomi pasaran yang telah kukuh itu tentunya sukar berubah. Melalui campur tangan itu, kerajaan boleh menyediakan beberapa laluan yang akan membantu orang-orang Melayu untuk turut aktif dalam sektor tersebut. Ini termasuklah memperbaiki sistem pasaran, menyediakan kemudahan-kemudahan kredit, menyusun dan membuka peluang-peluang pembabitan orang Melayu dalam ekonomi bandar, memberikan perlindungan kepada perusahaan kecil orang Melayu, dan langkah-langkah yang dapat melindungi ekonomi orang Melayu daripada didominasi oleh orang asing.⁸⁴ Adalah dipercayai bahawa melalui perubahan-perubahan tersebut peluang orang Melayu membebaskan diri mereka daripada belenggu kemunduran bertambah luas.

Penelitian ke atas rencana-rencana mengenai kemunduran dan kemajuan orang Melayu dalam akhbar dan majalah Melayu

⁸² "Bahaya modal dari luar," *Al-Hikmah*, 5 Sept., 1940; Lihat juga perkara yang sama dalam "Dasar Baharu," *Majlis*, 9 Feb., 1940.

⁸³ *Ibid.*

⁸⁴ Rencana-rencana mengenai saranan-saranan mengatasi masalah ekonomi orang Melayu banyak disiarkan. Antaranya ialah, "Perniagaan Melayu dikehendaki maju, jalan kejatuhan hendaklah dihalusi," *Saudara*, 19 Okt., 1938; "Termesti diingat oleh negeri yang baharu," *Al-Hikmah*, 10 Okt., 1934; "Umat Melayu dan perhatian yang patut dihadap," *Warta Ahad*, 24 Julai, 1940; "Suara perniagaan" *Pengasuh* 16 April, 1923; "Merdeheka Melayu dari takluk Malayang jika dapat dirikan Bank Kesatuan Melayu," *Pengasuh*, 13 Feb., 1933 dan "Latihan bermiaga wajib diajar di sekolah Melayu," *Pengasuh*, 27 Feb., 1933.

sepanjang dua puluh tahun (1920-1941) menunjukkan bahawa idea-idea yang terangkum di dalamnya adalah lebih bersifat orientasi nilai, iaitu ia menitikberatkan kepada proses menyusun semula sistem hidup masyarakat Melayu dan juga menjadi penggalang kepada pergerakan mereka kepada kemajuan. Pokok persoalan yang penting dalam usaha-usaha tersebut ialah untuk melemahkan (kalaupun tidak menghapuskannya sama sekali) pola perlakuan sosial-ekonomi-politik yang menjadi "seteru kemajuan kebangsaan." Usaha-usaha ini diikuti pula oleh proses penerapan nilai-nilai dan elemen-elemen baru dengan tujuan mengukuhkan lagi kaedah-kaedah berekonomi di kalangan orang Melayu. Ini secara langsung melibatkan proses membudayakan orang Melayu kepada falsafah "kanun berlumba-lumba" dan nilai-nilai ekonomi pasaran yang menjadi tunggak tamadun Barat.